

BAB 2

KONSEP WAKAF, WAKAF TUNAI DAN DANA WAKAF

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan pengertian wakaf, dana wakaf dan wakaf tunai menurut perspektif fiqh dan undang-undang di Pulau Pinang. Setelah itu, hujah-hujah daripada Al-Quran dan As-Sunnah dikemukakan sebagai landasan hukum wakaf. Pembuktian hujah-hujah dari Al-Quran dan As-Sunnah bertujuan bagi mengukuhkan kefahaman mengenai konsep wakaf. Selain itu, bab ini juga menghuraikan mengenai kedudukan amalan berwakaf menurut Islam, rukun-rukun wakaf, syarat-syarat sah wakaf dan kepentingan wakaf dalam kehidupan umat Islam.

Bab ini juga menerangkan mengenai latar belakang perkembangan wakaf tunai di beberapa buah negara di dunia berdasarkan sejarah dan menghuraikan perkembangan wakaf tunai di Malaysia. Selanjutnya, bab ini akan membincangkan potensi dan hubungkait wakaf tunai dalam pembangunan ekonomi masyarakat Islam.

2.2 Definisi Wakaf, Dana Wakaf dan Wakaf Tunai

Pelaksanaan wakaf tunai telah lama dilaksanakan semenjak abad ke-2 Hijrah, apabila sejarah merakamkan fatwa Imam Zufar yang mengharuskan pelaksanaan wakaf tunai. Walaubagaimanapun, timbul kontroversi bahawa wakaf tunai adalah tidak sah memandangkan secara dasarnya, wakaf tunai tidak memenuhi syarat kekal sebagai harta wakaf¹. Justeru itu bagi melihat konsep wakaf tunai dan hukum berkaitannya, terlebih

¹ Siti Mashitoh Mahamood (2007), "Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-undang serta Aplikasinya di Malaysia", *Jurnal Syariah*, 15(2), h.61-83

dahulu melihat pada takrif wakaf, landasan hukum wakaf, rukun-rukun dan syarat-syarat sah wakaf yang digariskan para sarjana Islam supaya dapat memahami konsep wakaf secara menyeluruh. Setelah itu, penulis mengemukakan perbincangan mengenai wakaf tunai oleh para sarjana Islam dan perbincangan mengenai hukum wakaf tunai.

2.2.1 Definisi Wakaf

Menurut Kamus Dewan, perkataan "wakaf" adalah bermaksud sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai (sebagai derma) atau bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam, seperti membina telaga untuk kegunaan orang ramai atau mendirikan masjid bagi keperluan agama².

Pada asalnya, perkataan "wakaf" ini diambil daripada perkataan bahasa Arab "وقف" iaitu kata terbitan (مصدر) yang berasal dari kata kerja perbuatan (فعل) "وقف" yang bermaksud berhenti di suatu tempat atau masa. "الوقف" secara etimologi juga membawa maksud menahan (الحبس)³, menegah (المنع) dan berhenti (السكون)⁴. Oleh kerana "الوقف" boleh diterjemahkan kepada pelbagai maksud, maka para sarjana Islam telah bersepakat mentakrifkan الوقف menurut istilah bahasa dengan الحبس kerana maksudnya yang lebih hampir pada pengertian Syara⁵.

Manakala dari segi terminologi, para sarjana Islam telah memberikan pelbagai takrifan padanya. Menurut mazhab Shāfi'ī, wakaf adalah menahan harta yang boleh diambil

² Kamus Dewan (2007), Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, C. ke-2, h.1796

³ al-Jurjānī, 'Alī Muḥammad (2007), *Kitāb al-Ta'rifāt*, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, h.229; Muḥammad Rawwas Qal'ahjī (2006), *Mu'jam Lughah al-Fuqaha*, C. Ke-2, Bayrūt: Dār al-Nafā'is, h.479; Ibn Manẓūr, Muḥammad bin Mukram (1990), *Lisān al-'Arab*, Jil.9, Bayrūt: Dār Sādr (1990), h.359

⁴ Wizārah al-Awqāf wa al-Shū'un al-Islāmiyyah (2006), *al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah*, Jil.44, Kūwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shū'un al-Islāmiyyah, h.108

⁵ al-Khaṭīb al-Sharbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad (t.w 977H), *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj al-Ṭālibīn*, Jil.2, Bayrūt: Dār al-Fikr (1978), h.376; Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-'Abbās Aḥmad (t.w 1004H), *Nihāyah al-Muḥtāj ilā Sharḥ al-Minhāj*, Jil.5, Miṣr: Maktabah Muṣṭafa al-Babī al-Ḥalabī (1938), h.354; Osman Sabran (2002), *Pengurusan Harta Wakaf*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, h.12

manfaat daripadanya dengan mengekalkan ‘ain (fizikal) harta tersebut dengan memutuskan hak pengurusan yang dimiliki oleh pewakaf. Hasilnya pula digunakan untuk tujuan kebajikan dan mendekati diri kepada Allah⁶. Mazhab Mālikī pula mentakrifkan wakaf sebagai mendedekahkan manfaat sesuatu harta selama mana harta itu wujud kepada yang berhak, dan kekal pemilikan harta itu secara *taqdiri* dengan satu aqad (lafaz ijab) mengikut kehendak pewakaf⁷. Mazhab Ḥanbalī berpendapat, wakaf bererti menahan ‘ain (fizikal) sesuatu harta dan disedekahkan hasilnya untuk tujuan kebajikan bagi mendekati diri kepada Allah s.w.t⁸. Imam Abū Yūsuf dan Imam Muḥammad bin Ḥassan daripada Mazhab Ḥanāfī turut mendefinisikan wakaf adalah menahan sesuatu harta dengan hukumnya sebagai milik Allah s.w.t sehingga tamat tempoh wakafnya lalu dipindahkan hak tersebut kepada hukum milik Allah s.w.t dan digunakan manfaatnya oleh hamba⁹ (manusia untuk tujuan kebajikan). Manakala Imam Abū Ḥanifah dan Ibn ‘Abidīn telah mentakrifkan wakaf sebagai menahan ‘ain harta atas hukum milik pewakaf dan mendedekahkan manfaatnya¹⁰. Menurut Wahbah al-Zuhaylī, wakaf ialah menahan harta benda yang kekal ‘ainnya (zatnya) yang boleh diambil atau digunakan manfaatnya untuk tujuan kebajikan dengan harapan dapat mendekati diri kepada Allah s.w.t. Harta yang diwakafkan tersebut kemudiannya diserahkan ke tempat atau pihak yang ditentukan dan mereka tidak boleh menggunakan harta wakaf tersebut secara sewenang-wenangnya¹¹. Daripada keseluruhan takrif di atas, dapat difahami bahawa seorang yang mewaafkan hartanya iaitu pewakaf terhalang daripada

⁶ al-Khaṭīb al-Sharbīnī (t.w 977H), *Mughnī al-Muhtāj*, *op.cit.*, h.376 dan *al-Iqnā’ fī Hil al-Alfāz Abī Shujā’*, Jil.2, C. Ke-3 2004, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h.162; Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās Aḥmad (t.w 1004H), *op.cit.*, h.354; al-Husnī, Taqī al-Dīn Abī Bakr Muḥammad al-Ḥusainī (t.t), *Kifāyah al-Akhyār fī Hil Ghāyah al-Ikhtisār*, Dimashq: Dār al-Khair (2004), h.303-304; al-Ghamrāwī, Muḥammad al-Zuhrī (t.t), *al-Sirāj al-Wahhāj: Sharḥ ‘alā Matan Minhāj al-Ṭālibin*, C. Ke-4 2005, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h.297; al-Juwāinī, Imām al-Ḥarāmīn, ‘Abd al-Mālik ‘Abd Allāh (t.w 478H), *Nihāyah al-Maṭālib fī Dirāyah al-Madhib*, Jil.8, Jiddah: Dār al-Minhāj (2006), h.339; al-Baijūrī, Ibrāhīm (t.t), *Hāshiyah al-Sheikh Ibrāhīm al-Baijūrī: Sharḥ ‘alā Matan al-Sheikh Abī Shujā’*, Jil.2, C. Ke-4, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah (2004), h.78-79

⁷ al-Sheikh ‘Alī al-Sa’dhī al-‘Adwā al-Mālikī (t.t), *Hāshiyah ‘alā Kifāyah al-Ṭālib al-Rabbānī li Risālah Ibn Abī Zaid al-Qairunī*, Jil.2, Maktabah Muṣṭafa al-Bābī al-Halabī 1938, h.210

⁸ Ibn Qudāmah, Muwāffiq al-Dīn Abū Muḥammad ‘Abd Allāh (t.w 620H), *Al-Mughnī*, ‘Abd Allāh ‘Abd al-Muḥsin dan ‘Abd al-Faṭḥ Muḥammad (taḥqīq), Jil.8, C. Ke-2, Qāhirah: Hijr (1992), h.184; al-Mardāwī, ‘Ala al-Dīn Abī al-Ḥassan ‘Alī Sulaymān (t.w 885H), *Al-Inṣāf fī Ma’rifah al-Rajih Min al-Khilāf*, Jil.7, Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arābī (1998), h.5

⁹ al-Kāsānī, ‘Alā’ al-Dīn Abī Bakr bin Mas’ūd (t.w 587H), *Badā’i’ al-Sanā’i’ fī Tartīb al-Sharā’i’*, ‘Adil Aḥmad ‘Abd al-Maujūd dan ‘Alī Muḥammad Muawad (taḥqīq), Jil.6, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah (1997), h.384

¹⁰ Ibn ‘Abidīn, Muḥammad Amīn (1994), *Radd al-Mukhtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Abṣār*, Jil.6, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h.519-521; Al-Kāsānī, *op.cit.*, h.384

¹¹ al-Zuhaylī, Wahbah (2005), *al-Fiqh al-Islāmī wa al-Adillatuhu*, Jil.4, C. Ke-8, Dimashq: Dār al-Fikr, h.2923

menggunakan dan mengambil manfaat harta yang telah diwakafkannya. Pewakaf juga perlu berniat mewakafkannya untuk tujuan mendekatkan diri kepada Allah dan harta wakaf tersebut mesti digunakan dalam urusan kebajikan ummah¹².

Manakala daripada perspektif undang-undang, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) Tahun 2004 telah memperuntukkan wakaf sebagai apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan khairat baik sebagai wakaf am mahupun wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949¹³.

2.2.2 Definisi Dana Wakaf dan Wakaf Tunai

Berdasarkan Kamus Dewan, perkataan dana membawa maksud kumpulan wang untuk sesuatu tujuan atau kegunaan¹⁴. Menurut Siti Mashitoh, perkataan dana dan wakaf apabila digabungkan menjadi "Dana Wakaf", maka ia bermaksud "suatu kumpulan wang yang diwujudkan untuk tujuan wakaf bagi maksud kebajikan baik berbentuk umum mahupun khusus menurut hukum Syarak"¹⁵.

Wang yang dikumpulkan untuk tujuan berwakaf juga dikenali dengan wakaf tunai atau wang dan dalam istilah bahasa arabnya "وقف النقود". Menurut bahasa, wang bermaksud alat pertukaran yang mempunyai harga (nilai) tertentu dan diakui sah, atau duit¹⁶. Manakala wang tunai pula adalah wang yang dapat digunakan dengan segera¹⁷.

¹² *Ibid.*

¹³ Fakhruddin Abdul Rahman dan Mohamad Salleh Abdullah (2008), "Pembangunan Harta Wakaf di Pulau Pinang", *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat & Wakaf* pada 18-19 Oktober 2008, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bil. 6, h.113-132; Jabatan Kehakima Syariah Negeri Pulau Pinang, Glosari Mahkamah, http://www.jksnpp.gov.my/app_jksn/index.php?option=com_glossary&Itemid=107&catid=54&func=display&search=wakaf&search_type=1, 20 Ogos 2010

¹⁴ *Kamus Dewan* (2007), Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.310

¹⁵ Siti Mashitoh Mahamood (2007), *op.cit.*, h.61-83

¹⁶ *Kamus Dewan* (2007), *op.cit.*, h.1798

¹⁷ *Ibid.*, h.1736

Çizaçka telah mentakrifkan wakaf tunai, iaitu mewakafkan wang tunai yang dikumpulkan dalam sebuah tabung amanah (wakaf). Nazir yang diamanahkan bertanggungjawab menyelia dan mengurus tabung tersebut untuk kegunaan tujuan kebajikan¹⁸. Di Malaysia, kebiasaannya, wang tunai yang dikumpul dalam sebuah tabung amanah akan diuruskan oleh nazir yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri mengikut negeri masing-masing. Sumbangan wakaf tunai ini kebiasaannya diperoleh daripada individu, kumpulan atau organisasi tertentu dan diwakafkan baik untuk tujuan wakaf tertentu (wakaf khas) mahupun wakaf am¹⁹.

Kewujudan wakaf jenis ini adalah lebih mudah dan praktikal pada zaman ini. Hal ini kerana harta yang tidak boleh berpindah seperti tanah dan bangunan semakin sukar untuk dimiliki kerana nilainya yang semakin tinggi. Sehubungan itu, wakaf jenis ini dapat menggalak dan membudayakan amalan berwakaf dalam semua lapisan masyarakat.

2.3 Dasar-dasar Hukum Wakaf

Sumber perundangan utama Islam adalah Al-Quran dan As-Sunnah. Justeru, dalil-dalil berkaitan wakaf dirujuk daripada sumber-sumber ini sebagai landasan hukum wakaf. Hukum wakaf tunai juga disandarkan kepada dalil-dalil yang dikemukakan dalam perbincangan ini.

¹⁸ Azri Ahmad (2008), Azri Ahmad (2008), "Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai oleh Yayasan Waqaf Malaysia", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Putrajaya: Yayasan Waqaf Malaysia, Vol.2, No.2(4), h.87-98

¹⁹ Majlis Agama Islam Johor, www.e-wakafjohor.gov.my, 15 April 2010

2.3.1 Dasar-dasar Hukum Wakaf daripada Al-Quran

Hukum mewakafkan harta secara am dan wakaf tunai khususnya tidak disebutkan secara jelas di dalam Al-Quran. Namun begitu, terdapat beberapa ayat Al-Quran yang dapat dijadikan rujukan sebagai landasan hukum wakaf berdasarkan galakan dan dorongan yang Allah berikan kepada hamba-hambaNya untuk melakukan kebajikan dan kebaikan. Firman Allah s.w.t dalam surah Āl-‘Imrān, ayat 92:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Maksudnya; "Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya"²⁰.

Allah s.w.t menjelaskan dalam ayat ini bahawa bagi mencapai hakikat kebajikan dan kebaktian yang sempurna, seseorang itu perlu melakukan pengorbanan harta dengan membelanjakan harta yang disayangi, kerana dengan cara inilah yang benar-benar menunjukkan seseorang itu yakin dan percaya kepada balasan yang dijanjikan oleh Allah s.w.t. Ibnu Kathīr dalam tafsirnya menyatakan bahawa daripada Ibn Mas‘ūd, Ibn ‘Abbās, ‘Aṭo', Mujāhid dan ‘Amrū bin Maimūn telah meriwayatkan maksud (الْبِرِّ) adalah syurga²¹. Dalam tafsirnya, al-‘Iz ‘Abd al-Salam menerangkan bahawa selain bermaksud syurga, (الْبِرِّ) juga membawa maksud ganjaran (pahala) daripada Allah s.w.t atau perbuatan baik yang berhak dibalas dengan ganjaran yang baik. (تُنْفِقُوا) bererti semua

²⁰ Abdullah Basmeih (1995), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30 Juz)*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, C. ke-6, Surah al-Imran, Juz 4, ayat 92, h.143

²¹ Ibnu Kathīr, Abī al-Fidā' Ismā'il (t.w 774H), *Tafsīr Ibnu Kathīr*, Jil.1, Miṣr: Maktabah Zahrān, h.382; al-Qurṭubī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī (t.t), *al-Jāmi' Li Ahkām al-Quran*, Jil.2, Juz 4, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah 1993, h.85-86; al-‘Iz ‘Abd al-Salam (2007), *Tafsīr al-Quran al-‘Azīm*, Abī Hafṣ al-Athra & Aḥmad Muḥammad Yusuf (taḥqīq), Qāhirah: Maktabah Salsabīl, h.114

bentuk sedekah sama ada sedekah fardhu, sedekah sunat mahupun sebarang bentuk sedekah lain yang bermatlamatkan kebaikan²². Dalam sebuah riwayat daripada Imām Aḥmad bahawa ‘Abd Allāh ibn Abī Ṭalḥah telah mendengar Anas bin Mālik bercerita bahawasanya seorang sahabat Ansar yang amat kaya antara kaumnya di Madinah, bernama Abū Ṭalḥah, apabila beliau mendengar sahaja ayat tersebut, lantas beliau mewakafkan dusunnya bernama Bairuhā di Madinah yang mana amat disayangnya, bagi tujuan membuat kebajikan dan mengejar keredhaan Allah²³. Begitu juga dengan Zaid bin Ḥarithah, beliau telah mersedekahkan kuda kesayangannya yang diberi nama Sabal kepada Rasulullah s.a.w dengan berkata: "Ini adalah untuk kegunaan di jalan Allah"²⁴. Kisah-kisah ini telah menggambarkan dengan dorongan keimanan dan keyakinan pada janji-janji Allah s.w.t menyebabkan para sahabat r.a tidak akan teragak-agak untuk membuat kebajikan dengan harta yang mereka sayangi²⁵. Setiap derma atau pengorbanan yang dikeluarkan baik bernilai mahupun tidak, barang yang disayangi atau yang telah bosan, mahal atau murah, dengan niat ikhlas atau riya', walaupun tiada sesiapa mengetahuinya, namun Allah s.w.t sudah pasti mengetahuinya²⁶. Firman Allah s.w.t lagi dalam surah al-Baqarah, ayat 261, mengenai galakan bersedekah, termasuklah wakaf:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ
مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: "Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi

²² *Ibid.*

²³ Ibnu Kathīr (t.w 774H), *op.cit.*, h.382; al-Qurtubī (t.t), *op.cit.*, h.85-86; Mālik bin Anas (t.w 179H), *al-Mūwaṭṭaʿ*, Bayrūt: Bayt al-Afkār al-Dauliyah (2004), No. ḥadith 4196, Kitab al-Jāmiʿ, Bab al-Targhīb fī al-Sadaqah, h.596; Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-ʿAbbās Aḥmad (t.w 1004H), *op.cit.*, h.355; al-Baijūrī, Ibrāhīm (t.t), *op.cit.*, h.77-78; al-Khaṭīb al-Sharbīnī (t.w 977H), *Mughnī al-Muḥtāj*, *op.cit.*, h. 376; *al-Iqnāʿ fī Hil al-Alfāz Abī Shujāʿ*, *op.cit.*, h.162; rujuk lafaz keseluruhan ḥadithnya di h.50

²⁴ Ibnu Kathīr (t.w774H), *op.cit.*, h.382; al-Qurtubī (t.t), *op.cit.*, h.85-86

²⁵ Abdillāh Ahmad Al-Jufri (2002), *Pelita Al-Quran (Surah Al-Imran-An-Nisaʿ)*, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., h.106

²⁶ Haji AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (HAMKA)(2007), *Tafsir Al-Azhar*, Jil. 2, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., h.842

sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya".²⁷

Ayat di atas memberi perumpamaan kemurahan Allah s.w.t dalam melipat gandakan pahala bagi hamba-hambanya yang sanggup berkorban membelanjakan hartanya untuk kepentingan agama Allah, perjuangan untuk menegakkan agama Allah dan jalan-jalan kebaikan adalah ibarat sebutir gandum yang ditanam di atas tanah yang subur, lalu biji tersebut menumbuhkan tujuh tangkai, dan daripada setiap tangkai menghasilkan seratus biji. Ini bermaksud setiap sedekah yang dikeluarkan, Allah s.w.t akan melipat gandakan sebanyak tujuh ratus pahala kebaikan ke atasnya²⁸. Tambah Ibnu Kathīr lagi, Sa'ad bin Jubair telah menjelaskan *fi sabilillah-pada jalan Allah*, bermaksud segala bentuk amalan taat kepada Allah²⁹. Justeru, bukankah wakaf juga merupakan sedekah sunat dan amalan ketaatan kepada Allah s.w.t yang terangkum dalam ayat ini.

Firman Allah s.w.t lagi dalam surah al-Baqarah, ayat 215:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ ۗ قُلْ مَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ خَيْرٍ فَلِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ ۗ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٢١٥﴾

Maksudnya: "Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad): apakah yang akan mereka membelanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: "Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada: kedua-dua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. dan (ingatlah), apa jua yang kamu buat daripada jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuiNya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya)".³⁰

Pertanyaan dalam ayat di atas seakan-akan mengenai apa yang harus mereka sedekahkan, justeru Allah s.w.t menyatakan harta tersebut mestilah (خيرا) yakni

²⁷ Abdullah Basmeih (1995), *op.cit.*, Surah al-Baqarah, Juz 3, ayat 261, h.104-105

²⁸ al-Qurtubī (t.t), *op.cit.*, Juz 3, h.197; Ibnu Kathīr (t.w774H), *op.cit.*, h.317

²⁹ Ibnu Kathīr (t.w774H), *op.cit.*, h.317

³⁰ *Ibid.*, Surah al-Baqarah, Juz 2, ayat 215, h.82

kebaikan yang bermakna harta yang baik, lagi halal. Tetapi jawapan Allah s.w.t lengkap sehingga menjawab ke mana harus disalurkan derma dan sedekah itu mengikut keutamaan, kemudian barulah yang lain, berdasarkan keperluan dan keadaan mendesak sebab jika tidak mengenai sasarannya, maka perbuatan itu sia-sia sahaja. Dan apa sahaja kebaikan yang kamu lakukan Allah mengetahuinya³¹. Al-Suddī mengatakan ayat tersebut diturunkan sebelum diperintahkan wajib zakat, dan setelah itu, dinasakhkan ayat di atas dengan perintah zakat. Manakala Maqātil bin Hayyān dan Ibn Juraij menyatakan bahawa ayat di atas menyebut mengenai sedekah yang disunatkan (التطوع) dan zakat bukanlah daripada jenis ini, oleh itu ayat ini tidaklah dinasakhkan. Justeru, menjadi kewajipan si anak yang berkemampuan untuk menyara kedua-dua ibu bapanya yang berhajat bagi memenuhi keperluan mereka³².

Selain dijanjikan Allah s.w.t dengan pahala yang berlipat ganda atas setiap pemberian tersebut, melalui amalan ini pewakaf dapat mendekati diri kepada Allah s.w.t dan menyucikan diri daripada sifat-sifat mazmumah. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah, ayat 267 memberi peringatan kepada hambaNya supaya melaksanakan kebajikan tersebut dengan niat yang ikhlas keranaNya:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَنْفِقُوْا مِنْ طَيِّبٰتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا اَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْاَرْضِ ۗ
 وَلَا تَيَمَّمُوْا الْخَبِيْثَ مِنْهُ تُنْفِقُوْنَ وَلَسْتُمْ بِاَخِيْذِهِ اِلَّا اَنْ تُغْمِضُوْا فِيْهِ ۗ وَاَعْلَمُوْا اَنَّ

اللّٰهُ غَنِيٌّ حَمِيْدٌ

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri

³¹ Ibnu Kathīr (t.w774H), *op.cit.*, h.252; Al-Qurtūbī (t.t), *op.cit.*, h.26-27; Abdillāh Ahmad Al-Jufri (2002), *op.cit.*, h.290

³² Ibnu Kathīr (t.w774H), *op.cit.*, h.252; al-Qurtūbī (t.t), *op.cit.*, h.26; al-'Iz ' Abd al-Salam (2007), *op.cit.*, h.80

tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji"³³.

Dalam ayat ini telah diterangkan mengenai apa yang harus dibelanjakan, iaitu belanja untuk kebajikan; hasil usaha yang halal dari hasil perdagangan atau pekerjaan, mahupun juga dari hasil bumi berupa biji-bijian dan buah-buahan. Dan Allah s.w.t juga telah berpesan agar jangan memilih yang busuk atau tidak elok untuk diserahkan sebagai sedekah atau zakat maka, haruslah memilih yang baik-baik untuk diberikan kepada orang lain sekiranya mahukan pahala yang sempurna³⁴.

Para ulama' mempunyai pelbagai tafsiran *al-infaq* daripada ayat di atas, Ibn Sīrīn, 'Alī bin Abī Ṭālib dan 'Ubaidah al-Salmānī menyatakan bahawa ayat tersebut menceritakan mengenai zakat yang difardhukan. Manakala, al-Qurtubī, Ibnu Kathīr, Ibn 'Atīyah, pendapat zohir daripada al-Barā' bin 'Azib dan Qatādah pula menjelaskan *al-infaq* yang dimaksudkan adalah sedekah yang disunatkan (التطوع), yakni Allah menganjurkan kepada hamba-hambaNya agar memilih barang yang baik-baik untuk disedekahkan dan dari hasil usaha yang halal³⁵. Daripada huraian ayat-ayat Al-Quran di atas, Allah s.w.t memberi galakan kepada hambaNya supaya berlumba-lumba dalam melakukan kebaikan dan kebajikan. Antara amal kebajikan yang sering ditekankan dan diberi galakan dengan ganjaran yang berlipatganda adalah amalan sedekah, iaitu dengan mengeluarkan sesuatu harta dan menyumbangkannya di jalan Allah dengan niat yang ikhlas keranaNya. Amalan mewakafkan harta di jalan Allah juga termasuk di dalam kategori sedekah yang disunatkan (التطوع), bahkan ia merupakan sedekah yang amat dituntut kerana tabiatnya sebagai sedekah jariyah. Pewakaf akan memperolehi pahala

³³ *Ibid.*, Surah al-Baqarah, Juz 3, ayat 267, h.107

³⁴ al-'Iz 'Abd al-Salam (2007), *op.cit.*, h.97

³⁵ Ibnu Kathīr (t.w774H), *op.cit.*, h.321; al-Qurtubī (t.t), *op.cit.*, h.208; Abdilllah Ahmad Al-Jufri (2002), *op.cit.*, h.394-395

yang berterusan selama mana harta wakaf itu dimanfaatkan, walaupun selepas pewakaf meninggal dunia.

2.3.2 Dasar-dasar Hukum Wakaf daripada As-Sunnah

Berdasarkan kepada beberapa riwayat hadith yang ṣaḥīḥ dan mashyur, maka hukum mewakafkan harta di jalan Allah s.w.t telah dapat diperjelaskan lagi secara khusus. Berikut adalah antara hadith yang sering dirujuk dan disandarkan padanya hukum wakaf.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ، إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ)³⁶

Mafhumnya: Daripada Abū Hurairah r.a telah berkata, bahawasanya Rasullullah s.a.w telah bersabda: "Apabila telah mati anak Adam, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara ; sedekah jariah (wakaf), ilmu yang bermanfaat dan doa dari anak yang soleh"³⁷.

Berdasarkan daripada hadith Rasullullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah r.a, para sarjana Islam telah mentafsirkan bahawa (صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ) sedekah jariah yang dimaksudkan dalam hadith ini adalah mewakafkan harta pada jalan Allah. Hal ini disebabkan manfaatnya yang terus kekal untuk kegunaan orang ramai walaupun setelah kematian penyumbanganya³⁸.

³⁶ Muslim, Abū al-Ḥusīn Muslim al-Ḥujjāj al-Qushairī al-Nisāburī (t.w 261H), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Abū Ṣāḥīb al-Karmī (taḥqīq), ‘Ammān: Bayt al-Afkār al-Dauliyyah (1998), No. ḥadīth 1631, Kitāb al-Waṣīat, Bāb Mā Yalḥaq al-Insān min al-Thawāb ba‘da Wafātihi, h.670; Abū Dāwūd, Sulaymān al-Ash‘at (t.w 275H), *Sunan Abī Dāwūd*, Bayrūt: Bayt al-Afkār al-Dauliyyah (2004), No ḥadīth 2880, Kitāb al-Waṣāyā, Bāb Mā Jaa’ fī Ṣodaqah ‘an al-Mayyit, h.326, Ḥadīth Ṣaḥīḥ; al-Tarmīdhī, Abī ‘Isā Muḥammad ‘Isā (t.w 249H), *Jāmi‘ al-Tarmīdhī*, Bayrūt: Bayt al-Afkār al-Dauliyyah (2004), No. ḥadīth 1376, Kitāb al-Aḥkām, Bāb fī al-Waqf, h.242, Ḥadīth Ḥassan Ṣaḥīḥ; An-Nasā’ī, Abī ‘Abd al-Rahman Ahmad Shuib (t.w 303H), *Sunan al-Nasā’ī*, Bayrūt: Bayt al-Afkār al-Dauliyyah (2004), No. ḥadīth 3651, Kitāb al-Waṣāyā, Bāb Faḍl al-Ṣodaqah ‘an al-Mayyit, h.388, Ḥadīth Ṣaḥīḥ; al-Shawkānī, Muḥammad ‘Alī Muḥammad (t.w 1255H), *Nayl al-Awṣār Sharḥ Muntaqā al-Akḥbār min Aḥādīth Sayyid al-Akhyār*, Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah (2002), No. ḥadīth 1/2504, Kitāb al-Waqf, Jil. 2, h.1237

³⁷ Moh. Zuhri (1992), *Terjemah Sunan At-Tarmidzi*, Jil.2, Semarang: C.V Asy-Syifa', h.736

³⁸ al-Khaḥīb al-Sharbīnī (t.w 977H), *Mughnī al-Muḥtāj*, op.cit., h.376; al-Iqnā’ fī Ḥil al-Alfāz Abī Shujā’, op.cit., h.162; Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās Aḥmad (t.w 1004H), op.cit., h.355; al-Ḥuṣnī (t.t), op.cit., h. 304; al-Juwāinī (t.w 478H), op.cit.,

Kisah para sahabat Rasulullah s.a.w yang telah mewakafkan harta mereka di jalan Allah dengan penuh pengharapan agar amalan tersebut diterima oleh Allah s.w.t. juga telah banyak dirakamkan dalam beberapa riwayat. Antaranya kisah yang sering disebut berkaitan dengan amalan wakaf adalah kisah Saidina 'Umar al-Khaṭāb r.a yang telah mengikut saranan Rasulullah s.a.w supaya mewakafkan tanah kesayangannya hanyasanya kerana Allah s.w.t, seperti berikut:

عَنْ نَافِعٍ ، عَنْ ابْنِ عُمَرَ ، قَالَ : (أَصَابَ عُمَرُ أَرْضًا بِحَيِّبٍ ، فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا ، فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِحَيِّبٍ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ هُوَ أَنْفَسُ عِنْدِي مِنْهُ ، فَمَا تَأْمُرُنِي بِهِ؟ ، قَالَ : إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَهُ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا ، قَالَ : فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ أَنَّهُ لَا يُبَاغُ أَصْلُهَا وَلَا يُبْتَاعُ ، وَلَا يُورَثُ ، وَلَا يُوهَبُ ، قَالَ : فَتَصَدَّقَ عُمَرُ فِي الْفُقَرَاءِ ، وَفِي الْقُرْبَى ، وَفِي الرِّقَابِ ، وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ ، وَابْنِ السَّبِيلِ ، وَالضَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلِيَهَا ، أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ أَوْ يُطْعِمَ صَدِيقًا غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ فِيهِ)³⁹

Mafhumnya: Daripada Nāfi', daripada Ibnu 'Umar telah berkata: "Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar, lalu beliau bertanya pada Rasulullah s.a.w ; "Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah mendapatkan sebidang tanah di Khaibar, satu harta yang tidak pernah kudapat sama sekali yang lebih baik bagiku selain tanah itu, lalu apa yang dikau perintahkan ke atasku padanya?" maka jawab Baginda s.a.w, "Jika engkau hendak, tahanlah (bekukan) tanah itu, dan sedekahkanlah manfaatnya", lalu 'Umar menyedekahkannya dengan syarat tanah itu tidak boleh dijual, tidak boleh dihadiahkan dan tidak boleh diwariskan. Sedangkan hasilnya disedekahkan buat kepentingan fakir miskin, kaum kerabat, memerdekakan hamba sahaya, kepentingan di jalan Allah, ibnu sabil dan tetamu. Dan tidak ada halangan bagi orang yang menguruskan (yang diberi kuasa menjaganya yakni Nazir) untuk memakan daripadanya dengan cara yang ma'ruf dan tidak berlebihan⁴⁰ (menggambil upah sebahagian darinya dengan cara yang wajar).

h.339; al-Baijūrī (t.t), *op.cit.*, h.78; Ibn Qudāmah (t.w 620H), *op.cit.*,h.185; Ibn Humām (t.w 681H), *op.cit.*, h.200; al-Qarāfi, Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs (t.w 684H), al-Dhakhīrah, Sa'īd 'A'rab (taḥqīq), Jil. 6, Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī (1994), h.313 ; al-Zuhaylī, Wahbah (2007), *Qadāyā al-Fiqh wa al-Fikr al-Mu'āṣir*, C. Ke-2, Dimashq: Dār al-Fikr, h.172

³⁹ Muslim (t.w 261H), *op.cit.*, No. ḥadīth 1632, Kitāb al-Waṣīat, Bāb al-Waqf, h.670; Abū Dāwud (t.w 275H), No. ḥadīth 2878, Kitāb al-Waṣāyā, Bāb Ma Jaa' fi Rajul Yuwaqifu al-Waqf, h.326, Ḥadīth Ṣaḥīḥ; al-Tarmīdhī (t.w 249H), *op.cit.*, No. ḥadīth 1375, Kitāb al-Aḥkām, Bāb fi al-Waqf, h.241, Ḥadīth Ḥasan Ṣaḥīḥ; an-Nasā'ī (t.w 303H), *op.cit.*, No. ḥadīth 3601, Kitāb al-Iḥbās, Bāb al-Aḥbās Kaifa Yaktub al-Habs, h.382, Ḥadīth Ṣaḥīḥ; Ibn Mājah, Abī 'Abdillah Muḥammad (w 273), *Sunan Ibn Mājah*, Bayrūt: Bayt al-Afkār al-Dauliyyah (2004), No. ḥadīth 2397, Kitāb al-Ṣadaqāt, Bāb Man Waqafa, h.258, Ḥadīth Ṣaḥīḥ; al-Shawkānī (t.w 1255H), *op.cit.*, No. ḥadīth 2/2505, Kitāb al-Waqf, Jil. 2, h.1237

⁴⁰ Ahmad Sunarto (1992), *Terjemah Sahih Bukhari*, Jil. 3, Semarang: C.V Asy-Syifa', h.738

Manakala dalam riwayat Imam al-Bukhari dengan lafaz:

(قَالَ: فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ، أَنَّهُ لَا يُبَاعُ وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ وَلَكِنْ يَنْفَقُ ثَمَرُهُ)⁴¹

Mafhumnya: (Beliau berkata: "Maka 'Umar telah mendedekahkannya, dan tidak boleh menjualkannya, dan tidak boleh menghadiahkannya dan tidak boleh mewariskannya, akan tetapi dinafkahkan (disedekahkan) hasil daripadanya").

Muhammad Nejatullah Siddiqi telah mengulas hadith ini dengan menyebut bahawa Rasulullah s.a.w. setelah ditanya oleh 'Umar, Baginda s.a.w tidak menasihatinya untuk memberikan hartanya (tanah tersebut) kepada negeri itu, walaupun Baginda s.a.w sendiri merupakan ketua negara. Sebaliknya, Baginda s.a.w menasihatkan 'Umar untuk mewakafkannya. Nasihat ini menunjukkan bahawa Nabi s.a.w melihat kepada kepentingan peranan wakaf dalam sektor awam⁴².

Selain itu, kisah kehebatan 'Uthmān bin 'Affān r.a yang amat yakin dengan jaminan ganjaran Rasulullah s.a.w di Hari Akhirat lantas beliau menzahirkan keyakinannya dengan membeli sebuah perigi yang ketika itu amat diperlukan oleh orang-orang Islam. Perigi tersebut kemudiannya disedekahkan untuk kegunaan orang-orang Islam yang berada di Madinah.

عن عثمان بن عفان رضي الله عنه أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدِمَ الْمَدِينَةَ وَلَيْسَ بِهَا مَاءٌ يُسْتَعْدَبُ

عَيْرَ بئرِ رُومَةَ ، فَقَالَ : (مَنْ يَشْتَرِي بِئرَ رُومَةَ فَيَجْعَلْ دَلْوَهُ مَعَ دِلَاءِ الْمُسْلِمِينَ بِحَيْرٍ لَهُ مِنْهَا فِي الْجَنَّةِ ؟ ،

فَاشْتَرَيْتُهَا مِنْ صُلْبِ مَالِي)⁴³

⁴¹ Bukhārī (t.w 852H), *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, Bayrūt: Dār Ihyā' al-Thurāth al-'Arabī, Kitāb al-Shurūṭ, Bāb al-Shurūṭ fī al-Waqf, No. ḥadīth 2546/2737, h.488

⁴² Muhammad Nejatullah Siddiqi (1996), *Role of the State in the Economy An Islamic Perspective*, Leicester, United Kingdom: The Islamic Foundation, h.149

⁴³ al-Tarmīdhī (t.w 249H), *op.cit.*, No. ḥadīth 3703, Kitāb al-Manāqib, Bāb fī Manāqibi 'Uthmān bin 'Affān, h.579, Ḥadīth Ḥassan; An-Nasā'ī (t.w 303H), *op.cit.*, No. ḥadīth 3608, Kitāb al-Iḥbās, Bāb Waqf fī al-Masājid, h.383; al-Shawkānī (t.w 1255H), *op.cit.*, No. ḥadīth 3/2506, Kitāb al-Waqf, Jil. 2, h.1237

Maḥmūnya: Daripada ‘Uthmān bin ‘Affān r.a telah berkata, bahawasanya ketika Rasullullah s.a.w datang ke Madinah, sedangkan di Madinah ketika itu tiada telaga melainkan telaga Raumah, lalu Baginda s.a.w bersabda: "Sesiapa yang membeli telaga Raumah dan kemudiannya memasukkan timbanya ke dalam telaga itu bersama-sama timba kaum Muslimin yang lain, yang dia akan mendapatkan sesuatu yang lebih baik di Syurga?", maka aku telah membelinya daripada hartaku.

‘Umar al-Khaṭāb r.a juga telah mewakafkan anak panah untuk kegunaan umat Islam dalam peperangan *fi sabilillah* sepertimana dalam hadith yang diriwayatkan daripada Ibn ‘Umar.

عَنْ ابْنِ عُمَرَ ، قَالَ : قَالَ عُمَرُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ الْمِائَةَ سَهْمِ الْتِي لِي بِحَبِيبِ لَمْ أُصِبْ مَالًا قَطُّ

أَعْجَبَ إِلَيَّ مِنْهَا ، فَذُ أَرَدْتُ أَنْ أَتَصَدَّقَ بِهَا ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : (أَحْسِنِ أَصْلَهَا ، وَسَبِّلْ

ثَمَرَتَهَا)⁴⁴

Maḥmūnya: Daripada Ibnu ‘Umar telah berkata, ‘Umar berkata kepada Rasullullah s.a.w : "Wahai Rasullullah, sesungguhnya aku mempunyai 100 anak panah, satu harta yang tidak pernah kudapat sama sekali yang lebih baik bagiku selainnya, lalu aku ingin bersedekah dengannya" maka jawab Baginda s.a.w, "Tahanlah (bekukan) asalnya (fizikalnya), dan sedekahkanlah manfaatnya".

Turut diceritakan dalam kitab-kitab tafsir dan hadith akan kemurahan hati salah seorang sahabat Rasullullah s.a.w yang bernama Abū Ṭalḥah. Setelah mendengar sepotong ayat Al-Quran daripada Surah Āl-‘Imrān ayat 92, lantas beliau mewakafkan dusun kesayangannya bagi mencapai pahala kebajikan yang sempurna seperti yang telah difirmankan Allah s.w.t.

⁴⁴ an-Nasā’ī (t.w 303H), *op.cit.*, No. ḥadith 3603, h.382 , Ḥadith Ṣaḥīḥ; Ibn Mājah (t.w 273H), *op.cit.*, No. ḥadith 2397, h. 258, Ḥadith Ṣaḥīḥ; al-Shawkānī (t.w 1255H), No. ḥadith 1/2507, Kitāb al-Waqf, Bāb Waqf al-Mushā’ wa al-Manqūl, Jil. 2, h.1239

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : فَلَمَّا نَزَلَتْ (لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ) قَالَ أَبُو طَلْحَةَ،
فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَقُولُ (لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ) وَإِنَّ أَحَبَّ أَمْوَالِي إِلَيَّ بِرِّحَاءِ
وَإِنَّهَا صَدَقَةٌ لِلَّهِ أَرْجُو بِرَّهَا، وَدُخْرَهَا عِنْدَ اللَّهِ، فَضَعَهَا حَيْثُ أَرَاكَ اللَّهُ، فَقَالَ: بَخْ، ذَلِكَ مَالٌ رَابِحٌ أَوْ
رَابِحٌ، شَكَ ابْنُ مَسْلَمَةَ وَقَدْ سَمِعْتُ مَا قُلْتَ، وَإِنِّي أَرَى أَنْ تَجْعَلَهَا فِي الْأَقْرَبِينَ، قَالَ أَبُو طَلْحَةَ: (أَفْعَلْ ذَلِكَ
يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَفَسَمَهَا أَبُو طَلْحَةَ فِي أَقَارِبِهِ، وَفِي بَنِي عَمِّهِ)⁴⁵

Maafumnya: Daripada Anas bin Malik r.a telah berkata : Ketika turunnya Firman Allah s.w.t ((Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi)), telah bangun Abu Talhah seraya berkata: "Wahai Rasullullah s.a.w, sesungguhnya Allah s.wt telah berfirman ((Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi)), dan hartaku paling kucintai ialah tanah di Bairuha', dan sesungguhnya aku jadikan sebagai sedekah kerana Allah, yang aku harapkan kebaikannya dan simpanan pahala di sisi Allah, maka baginda berkata: "Bahkan, harta tersebut menguntungkan dan Ibn Maslamah telah mengatakan, dan aku mendengar apa yang telah kamu perkatakan, justeru aku berpandangan jadikanlah ianya sedekah (wakaf) kerabat-kerabatmu". Maka berkata Abu Talhah: Aku akan lakukan seperti itu wahai Rasullullah, lalu Abu Talhah membahagi-bahagikan kepada kerabat-kerabatnya dan kepada anak pak ciknya (sepupunya)".

Kesungguhan dan keazaman para sahabat r.a untuk membelanjakan harta di jalan Allah s.w.t berlatarbelakangkan daripada keyakinan mereka terhadap janji-janji Allah s.w.t dan Rasul-Nya. Janji-janji ini telah menjadi motivasi dan galakan buat mereka untuk beramal dan berbakti untuk Islam seperti hadith riwayat Abū Hurairah r.a:

عن أبي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (مَنْ احْتَبَسَ فَرَسًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ إِيْمَانًا
بِاللَّهِ، وَتَصَدِيقًا بِوَعْدِهِ فَإِنَّ شِبَعَهُ وَرِيَّتَهُ، وَرَوْتَهُ، وَبَوْلَهُ فِي مِيزَانِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ)⁴⁶

⁴⁵ Bukhārī (t.w 852H), *op.cit.*, Kitāb al-Waṣāyā, Bāb Idhā Waqafa aw Aṣṣa lī Aqāribihī..., No. ḥadīth 2752, h.492; Muslim (t.w 261H), *op.cit.*, No. ḥadīth 998, Kitāb al-Zakah, Bāb Faḍl al-Nafaqah wa al-Ṣadaqah ‘alā al-Aqrabīn..., h.387; al-Shawkānī (t.w 1255H), *op.cit.*, No. ḥadīth 1/2510, Kitāb al-Waqf, Bāb Man Waqafa aw Taṣadaq alā Aqrabihī..., Jil. 2, h.1240

⁴⁶ Bukhārī (t.w 852H), *op.cit.*, Kitāb al-Jihād, Bāb Man Ihtibas Farsan fī Sabīlillah..., No. ḥadīth 2853, h.510; al-Shawkānī (t.w 1255H), *op.cit.*, No. ḥadīth 2/2508, Kitāb al-Waqf, Bāb Waqf al-Mushā‘ wa al-Manqūl..., Jil. 2, h.1239

Maḥmūnya: Daripada Abī Hurairah r.a telah berkata, Rasullullah s.a.w telah bersabda: "Barangsiapa mewakafkan kuda untuk berperang di jalan Allah dengan penuh keimanan dan mengharap sepenuh keredhaan daripada Allah s.w.t, maka sesungguhnya makanan kudanya, najis kudanya dan air kencing kudanya akan ditimbang Allah di Hari Kiamat dengan pelbagai kebaikan".

Ada riwayat yang menyebut bahawa Nabi Muḥammad s.a.w merupakan individu yang pertama yang mewakafkan harta di jalan Allah s.w.t. Baginda s.a.w telah mewakafkan hartanya di Mukhairaq yang mana telah diwasiatkan kepadanya pada tahun ke-3 Hijrah⁴⁷ dan tujuh kebunnya di Madinah. Hal ini dinyatakan demikian kerana walaupun masyarakat Jahiliyyah telah mengamalkan wakaf namun pada kebiasaan mereka bukanlah diniatkan untuk melakukan kebajikan akan tetapi, amalan tersebut dijadikan mereka sebagai satu pemberian untuk tujuan berbangga-bangga dan bermegah-megah. Justeru, Nabi Muḥammad s.a.w menjadi insan pertama yang mewakafkan harta hanyasanya kerana Allah s.w.t⁴⁸.

Amalan mewakafkan harta ini terus tersebar dikalangan para sahabat; Saidinā Abū Bakar, Saidinā ‘Umar, Saidinā ‘Uthman, Saidinā ‘Alī dan para sahabat *-raḍiallahu ‘anhum-* telah mewakafkan harta mereka⁴⁹ dan menjadikannya antara amalan yang penting, sehinggakan ada riwayat daripada Jabir yang mengatakan bahawa tidak ada harta yang lebih di kalangan para sahabat melainkan mereka akan mewakafkan harta mereka di jalan Allah⁵⁰. Ini menunjukkan *ijma'* ulama' telah bersepakat akan keharusan amalan wakaf ini⁵¹.

⁴⁷ Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās Aḥmad (t.w 1004H), *op.cit.*, h.356

⁴⁸ al-Dusūqī, Shams al-Dīn al-Sheikh Muḥammad ‘Arfaḥ (t.t), *Ḥāshiyah al-Dusūqī ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr*, Jil.4, Miṣr: ‘Isa al-Babī al-Halabī, h.75

⁴⁹ Al-Kāsānī (t.w 587H), *op.cit.*, h.393

⁵⁰ Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās Aḥmad (t.w 1004H), *op.cit.*, h.356

⁵¹ al-Imām ‘Abdu Allāh bin Maḥmūd bin Mawdūd al-Muṣṭafī (t.w 683H), *op.cit.*, h.46

2.4 Kedudukan Amalan Berwakaf dalam Islam

Menurut jumhur ulama' selain Ḥanāfiah, hukum berwakaf adalah sunat berdasarkan dalil-dalil yang dikemukakan di atas dan wakaf dikategorikan sebagai 'aqad lāzim^{52 53}. Manakala di sisi Ḥanāfiah, hukum berwakaf adalah harus, bersandarkan kepada dalil bahawa sah mewakafkan walaupun bukan beragama Islam menurut pandangan ini dan wakaf 'aqad bukan lāzim⁵⁴.

Amalan mewakafkan harta merupakan amalan bersedekah dan tergolong dalam kategori "sedekah yang paling afdhal" kerana sifatnya sebagai sedekah jariah sepertimana hadith Nabi Muhammad s.a.w:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : (إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ ، إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ)⁵⁵

Mafrumnya: Daripada Abū Hurairah r.a telah berkata, bahawasanya Rasullullah s.a.w telah bersabda: "Apabila telah mati anak Adam, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara ; sedekah jariah (wakaf), ilmu yang bermanfaat dan doa dari anak yang soleh".

Sedekah jariah yang dimaksudkan di sini adalah pewakaf akan sentiasa mendapat pahala sedekah selagimana harta yang diwakafkan tersebut digunakan untuk kebajikan orang ramai, walaupun selepas pewakaf meninggal dunia. Justeru, wakaf amat dituntut

⁵² 'Aqad lāzim bermaksud akad yang telah sempurna syaratnya dan kedua-dua pihak yang berakad, iaitu pembeli dan penjual tidak mempunyai hak fasakh (membatakannya) tanpa keredhaan pihak yang lain, manakala 'aqad bukan lāzim bermaksud salah satu pihak yang berakad, iaitu pembeli atau penjual mempunyai hak fasakh (membatakannya). Rujuk Wizārah al-Awqāf wa al-Shū'un al-Islāmiyyah (1994), *Al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah*, Jil.30, Kūwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shū'un al-Islāmiyyah, h.228; Muḥammad Najīb Hamādī al-Jaw'ānī (2005), *Ḍawābiṭ al-Tijārah fī al-Iqtisād al-Islāmī*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.95

⁵³ al-Dusūqī (t.t), *op.cit.*, h.75; al-Sheikh 'Alī al-Sa'dhī al-'Adwā al-Malikī, *op.cit.*, h.210; al-Huṣnī (t.t), *op.cit.*, h.303-304; Ibn Qudāmah (t.w 620H), *op.cit.*, h.184; al-Mardāwī (t.w 885H), *op.cit.*, h.76; al-Zuhaylī, Wahbah (2005), *al-Fiqh al-Islāmī wa al-Adillatuhu*, Jil. 10, C. Ke-8, Dimashq: Dār al-Fikr, h.7604

⁵⁴ al-Marghīnānī (t.w 593H), *op.cit.*, h.923; Ibn Humām (t.w 681H), *op.cit.*, h.200; al-Imām 'Abdullah bin Maḥmūd bin Mawdūd al-Muṣṣalī (t.w 683H), *op.cit.*, h.46; al-Zuhaylī, Wahbah (2005), *Al-Fiqh al-Islāmī wa al-Adillatuhu*, Jil.10 *op.cit.*,h.7604; Ibn 'Abidīn, Muḥammad Amin (1994), *op.cit.*, h.520

⁵⁵ *Op.cit.* h.44

dalam Islam kerana manfaat harta wakaf yang kekal untuk tujuan kebajikan dan kegunaan orang ramai. Walaubagaimanapun, dalam sesetengah hal hukum mewakafkan harta boleh menjadi wajib, iaitu apabila seseorang itu telah bernazar untuk melaksanakan ibadah tersebut. Maka yang demikian, wajiblah ke atasnya untuk melaksanakannya. Begitu juga dalam setengah keadaan, hukum mewakafkan harta boleh menjadi makruh atau haram dan terbatal pada sesetengah pendapat apabila perbuatan tersebut diniatkan untuk mendatangkan kemudaharatan kepada yang lain atau tujuan lain yang menyalahi Syariat seperti membina tempat maksiat atau tempat ibadah agama lain⁵⁶.

2.5 Penjelasan Hukum berkaitan Wakaf secara am dan Wakaf Tunai Menurut Syara‘

Apabila membincangkan hukum wakaf tunai, terlebih dahulu penulis mengupas mengenai hukum wakaf secara am. Wakaf secara amnya dibahagikan kepada dua jenis, harta alih dan harta tidak alih. Para ulama’ mempunyai pelbagai pandangan mengenai keharusan harta alih yang mana salah satunya adalah wakaf tunai.

2.5.1 Hukum Wakaf Secara Am

Bagi menjelaskan hukum wakaf tunai, terlebih dahulu perlu diterangkan di sini pembahagian jenis harta yang diwakafkan:

⁵⁶ Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās Aḥmad (t.w 1004H), *op.cit.*, h.358; al-Ghamrāwī (t.t), *Al-Sirāj al-Wahhāj Sharh‘ alā Matan Minhāj al-Ṭolibīn*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah (2005), C. ke-4, h.297; al-Maḥallī, Jalāl al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad (t.w 971 H), *Kanz al-Rāghibīn: Sharḥ ‘alā Matan Minhāj al-Ṭolibīn*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah (2001), h.340; al-Ḥuṣnī (t.t), *op.cit.*, h.305; al-Baijūrī (t.t), *op.cit.*, h.84; al-Dusūqī (t.t), *op.cit.*, h.78

(a) Harta tidak alih (*'iqār*) yang fizikalnya (*'ain*) bersifat kekal seperti tanah dan bangunan- berdasarkan daripada kupasan takrif di atas, para ulama Fiqh telah bersepakat mengharuskan mewakafkan harta berbentuk ini⁵⁷.

(b) Harta alih (*manqūl*) seperti kuda, pedang, dan anak panah misalnya- ulama' Fiqh berselisih pandangan dalam hal ini. Majoriti ulama' iaitu mazhab Shāfi'⁵⁸, Mazhab Mālikī⁵⁹ dan pandangan yang ṣaḥīḥ dalam mazhab Ḥanbalī⁶⁰, mengharuskan harta alih diwakafkan asalkan manfaat boleh didapati secara berterusan dan wujudnya masalah daripadanya⁶¹. Ini dinyatakan berdasarkan kepada setiap harta yang kekal 'ainnya, boleh mendatangkan manfaat dan boleh dijualbeli maka diharuskan mewakafkannya. Justeru itu, bagi harta alih yang manfaatnya tidak dapat diperoleh secara berkekalan seperti lilin, makanan dan minuman tidaklah termasuk dalam harta yang boleh diwakafkan.

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: أَرَادَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْحَجَّ، فَقَالَتْ امْرَأَةٌ لِرَوْحِهَا: أَحِجِّي مَعَ رَسُولِ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيَّ بِجَمَلِكَ، فَقَالَ: مَا عِنْدِي مَا أَحِجُّكَ عَلَيْهِ، قَالَتْ: أَحِجِّي عَلَيَّ بِجَمَلِكَ فَلَانَ،
قَالَ: ذَلِكَ حَيْسٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَأَتَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنَّ امْرَأَتِي تَقْرَأُ عَلَيْكَ السَّلَامَ
وَرَحْمَةَ اللَّهِ وَإِنَّهَا سَأَلَتْنِي الْحَجَّ مَعَكَ، قَالَتْ: أَحِجِّي مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَعُلْتُ: مَا عِنْدِي
مَا أَحِجُّكَ عَلَيْهِ، فَقَالَتْ: أَحِجِّي عَلَيَّ بِجَمَلِكَ فَلَانَ، فَعُلْتُ: ذَلِكَ حَيْسٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، فَقَالَ: أَمَا إِنَّكَ لَوْ

⁵⁷ al-Marghīnānī (t.w 593H), *op.cit.*, h.926; Ibn Humām (t.w 681H), *op.cit.*, h.215; al-Sheikh 'Alī al-Sa'dhī al-'Adwā al-Malikī, *op.cit.*, h.211; al-Qarāfī (t.w 684H), *op.cit.*, h.312; al-Mardāwī(t.w 885H), *op.cit.*, h.8; Ibn Qudāmah, (t.w 620H), *op.cit.*, h.231; al-Khaṭīb al-Sharbīnī (t.w 977H), *Mughnī al-Muḥtāj*, *op.cit.*, h.377; *al-Iqnā' fī Hil al-Alfāz Abī Shujā'*, *op.cit.*, h.163; al-Ḥuṣnī (t.t), *op.cit.*, h.304; al-Juwāinī, (t.w 478H), *op.cit.*, h.344; al-Ghamrāwī (t.t), *op.cit.*, h.296; al-Maḥallī (t.w 971 H), *op.cit.*, h.339; al-Baijūrī (t.t), *op.cit.*, h.81; al-Kāsānī, *op.cit.*, h.398; Ibn 'Abidīn, Muḥammad Amīn (1994), *op.cit.*, h.536; al-Imām 'Abd Allāh bin Maḥmūd bin Mawdūd al-Muṣṭafī (t.w 683H), *op.cit.*, h.46; al-Zuhaylī, Wahbah (2005), *al-Fiqh al-Islāmi wa al-Adillatuhu*, Jil.10, *op.cit.*, h.7610

⁵⁸ al-Khaṭīb al-Sharbīnī (t.w 977H), *Mughnī al-Muḥtāj*, *op.cit.*.h.377; *al-Iqnā' fī Hil al-Alfāz Abī Shujā'*, *op.cit.*, h.163; Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-'Abbās Aḥmad (t.w 1004H), *op.cit.*, h.358; al-Ḥuṣnī (t.t), *op.cit.*, h.304; al-Juwāinī, (t.w 478H), *op.cit.*, h.344; al-Ghamrāwī (t.t), *op.cit.*, h.296; al-Maḥallī (t.w 971 H), *op.cit.*, h.339; al-Baijūrī (t.t), *op.cit.*, h.81

⁵⁹ al-Dusūqī (t.t), *op.cit.*, h.77; al-Qarāfī (t.w 684H), *op.cit.*, h.313; al-Sheikh 'Alī al-Sa'dhī al-'Adwā al-Malikī, *op.cit.*, h.211; Ibn Rushd, Abī al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Rushd (t.w 520H), *Muqaddimāt Ibn Rushd li Bayān Mā Iqtadāta al-Mudawwanah min al-Aḥkām*, Jil. 4, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah (1994), h.418

⁶⁰ Ibn Qudāmah, (t.w 620H), *op.cit.*, h.229; al-Mardāwī(t.w 885H), *op.cit.*, h.8

⁶¹ al-Khaṭīb al-Sharbīnī (t.w 977H), *Mughnī al-Muḥtāj*, *op.cit.*.h.377; Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-'Abbās Aḥmad (t.w 1004H), *op.cit.*, h.358

أَحْجَجْتَهَا عَلَيْهِ كَانَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، قَالَ: وَإِنَّهَا أَمَرْتَنِي أَنْ أَسْأَلَكَ مَا يَعْدِلُ حَجَّةَ مَعَكَ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ

صلى الله عليه وسلم: (أَفْرَيْتُمْهَا السَّلَامَ وَرَحْمَةَ اللَّهِ وَبَرَكَاتِهِ وَأَخْبَرَهَا أَنَّهَا تَعْدِلُ حَجَّةَ مَعِيَ يَعْنِي عُمْرَةً فِي

رَمَضَانَ)⁶²

Maflumnya: Daripada Ibnu 'Abbās telah berkata: Ketika Rasulullah ingin mengerjakan haji, maka telah berkata seorang wanita kepada suaminya: Adakah saya boleh mengerjakan haji bersama dengan Rasulullah s.a.w (yakni rombongan Rasulullah s.a.w) dengan menaiki untamu?, berkata (si suami): "Saya tidak punya apa-apa (yakni unta tunggangan) untuk kamu menunaikan haji, berkata (si isteri): Adakah saya boleh menunaikan haji dengan menaiki unta si polan, dan dia berkata: "Unta tersebut telah ditahan (diwakafkan) pada jalan Allah". Maka dia (si suami) telah datang menemui Rasulullah s.a.w dan berkata: "Isteri saya telah menyampaikan ucapan salam dan rahmat Allah ke atasmu dan sesungguhnya dia telah bertanya padaku bahawa dia ingin menunaikan haji bersamamu, maka saya telah berkata: "Saya tidak punya apa-apa (yakni unta tunggangan) untuk kamu menunaikan haji, berkata (si isteri): Adakah saya boleh menunaikan haji dengan menaiki unta si polan, dan saya telah berkata: "Unta tersebut telah ditahan (diwakafkan) pada jalan Allah". Baginda s.a.w bersabda: "Tahukah kamu bahawa kalau kamu hajikan isterimu dengan kenderaan itu (unta itu) adalah untuk sabillillah?!". Berkata si suami: "Sebenarnya dia menyuruh saya untuk bertanya pekerjaan (amalan) apakah yang memadani dengan mengerjakan haji bersamamu?". Maka Rasulullah s.a.w berkata: ((Sampaikan ucapan salamku dan rahmat Allah ke atasnya, dan beritakanlah padanya bahawa umrah di bulan Ramadan itu adalah setara dengan menunaikan haji))⁶³.

Berdasarkan daripada hadith di atas, Imam al-Shawkānī juga telah berpendapat bahawa harta alih adalah harus untuk diwakafkan⁶⁴. Akan tetapi, Imām Abū Ḥanīfah berpendapat tidak harus mewakafkan sebarang bentuk harta alih kerana syarat harta yang diwakafkan mestilah bersifat kekal bagi mendapat manfaatnya secara berterusan dan pada kebiasaannya sifat ini hanya terdapat pada harta tidak alih. Namun begitu,

⁶² Abū Dāwūd (t.w 275H), *op.cit.*, No ḥadīth 1990, Kitāb al-Manāsik, Bāb al-'Umrah, h.228, Ḥadīth Ḥassan Ṣaḥīḥ; al-Shawkānī (t.w 1255H), *op.cit.*, No. ḥadīth 3/2509, Kitāb al-Waqf, Bāb Waqf al-Mushā' wa al-Manqūl..., Jil. 2, h.1239

⁶³ Bey Arifin (1993), *Tarjamah Sunan Abi Daud*, Jil.2, Edisi Malaysia, Kuala Lumpur: Victoria Agencie, Kitāb al-Manāsik, Bāb al-'Umrah, h.665

⁶⁴ al-Shawkānī (t.w 1255H), *op.cit.*, No. ḥadīth 3/2509, Kitāb al-Waqf, Bāb Waqf al-Mushā' wa al-Manqūl..., Jil. 2, h.1239

Imām Abū Yūsuf dan Imām Muḥammad bin Ḥassan daripada Mazhab Ḥanāfi mengharuskan mewakafkan harta alih dalam keadaan-keadaan tertentu, seperti:⁶⁵

- (i) Jika harta alih itu terletak pada harta tidak alih sepertimana pokok yang terdapat atas tanah yang hendak diwakafkan, atau
- (ii) Jika jenis harta alih itu mempunyai nas yang menyebut akan keharusan mewakafkannya sepertimana yang diriwayatkan dalam hadith Rasulullah s.a.w bahawasanya Khālid al-Wālid pernah mewakafkan kudanya
- (iii) Jika jenis harta alih itu telah menjadi kebiasaan (*'uruf*) di tempat atau negara tersebut untuk mewakafkannya seperti kitab-kitab dan mashāf Al-Quran. Ini berdasarkan riwayat Ibnu Mas'ūd, katanya:

فَمَا رَأَى الْمُسْلِمُونَ حَسَنًا، فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ حَسَنٌ، وَمَا رَأَوْا سَيِّئًا، فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ سَيِّئٌ⁶⁶

Maflumnya: "Maka apa yang dilihat baik oleh orang-orang Muslim⁶⁷, maka baiklah perkara itu di sisi Allah s.w.t dan apa yang dilihat tidak baik maka perkara itu dilihat tidak baik di sisi Allah".

2.5.2 Hukum Wakaf Tunai

Sepertimana yang telah diperjelaskan di atas, para ulama' daripada Mazhab Shāfi'i, Mazhab Ḥanbalī, Mazhab Mālikī dan ulama'-ulama' dari Mazhab Ḥanāfi hanya mengharuskan wakaf harta alih yang 'ainnya bersifat kekal. Sebagai contohnya, emas dan perak yang berbentuk barang perhiasan adalah dibenarkan disebabkan 'ainnya yang bersifat kekal maka manfaatnya boleh diperolehi secara berterusan sepertimana yang

⁶⁵ al-Kāsānī (t.w 587H), *op.cit.*, h.398-400; al-Marghīnānī (t.w 593H), *op.cit.*, h.926-927; Ibn Humām (t.w 681H), *op.cit.*, h.217-219; al-Imām 'Abd Allāh bin Maḥmūd bin Mawdūd al-Muṣṭafī (t.w 683H), *op.cit.*, h.48-49; Ibn 'Abidin (1994), *op.cit.*, h.552-555

⁶⁶ Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal Abī 'Abd Allāh al-Shaibānī (t.w 241H), *Musnad Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal Abī 'Abd Allāh al-Shaibānī*, Jil.1, Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arābī (1998), C. ke-2, Musnad 'Abd Allāh bin Mas'ud, No. ḥadith 3589, h.626; Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal Abī 'Abd Allāh al-Shaibānī (t.w 241H), *Musnad Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal Abī 'Abd Allāh al-Shaibānī*, Jil.6, Bayrūt: Maktabah al-Risālah (1996), al-Sheikh Shu'aib al-Arna'ūṭ (taḥqīq), Musnad 'Abd Allāh bin Mas'ud, No. ḥadith 3600, h.84, Sanad Ḥasan.

⁶⁷ Muslim yang dimaksudkan adalah para sahabat, oleh itu, ḥadith ini dikhususkan kepada ijma' para sahabat. Rujuk *ibid*.

diriwayatkan bahawa Ḥafṣah telah mewakafkan barang kemasnya kepada saudaranya daripada keluarga al-Khaṭab⁶⁸.

Manakala wakaf berupa wang tunai yakni misalnya dirham dan dinar, para ulama' telah berselisih pandangan akan keharusannya. Hal ini kerana, manfaat daripada wang tunai pada kebiasaannya hanya diperolehi setelah wang tunai tersebut digunakan, maka yang jelas di sini manfaat tersebut tidak dapat digunakan secara berterusan. Meskipun begitu terdapat pandangan lain yang mengharuskannya dengan berpendapat bahawa setiap harta yang harus disewakan bagi mendapat manfaatnya adalah harus diwakafkan⁶⁹.

Ibn 'Abidīn telah menyatakan bahawa Imam Al-Anṣārī (Aṣḥab Zufar) mengharuskan wakaf wang tunai yang ketika itu telah menjadi '*uruf*' kebiasaan di negara Rom memandangkan Imām Muḥammad telah menetapkan '*uruf*' kebiasaan sebagai syarat diharuskan mewakafkan harta alih (*manqūl*). Namun bukanlah berhajat untuk mengkhususkan hujah ini dengan terus mengharuskan mewakafkan wang tunai. Beliau menjelaskan lagi, pada hakikatnya wang hanyalah sebagai medium yang menyimpan nilai. Maka, wang boleh dijadikan alat sebagai usaha menukarkannya kepada aset lain yang berupa harta tidak alih dan kekal seperti tanah, bangunan dan sebagainya bagi memenuhi syarat harta wakaf. Oleh yang demikian, maka beliau berpendapat maka diharuskan mewakafkan wang tunai yang kemudiannya ditukarkan kepada harta tidak alih bagi memelihara manfaat yang berkekalan. Jika diperhatikan pendapat ini memenuhi piawaian yang dikehendaki oleh mazhab lain seperti Shāfi'ī, Mālikī dan Ḥanbalī dalam menetapkan syarat pada harta alih adalah manfaatnya diperolehi secara berterusan, setelah ditukarkannya pada harta tidak alih⁷⁰.

⁶⁸ Ibn Qudāmah, (t.w 620H), *op.cit.*, h.230; al-Kāsānī (t.w 587H), *op.cit.*, h.399

⁶⁹ Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-'Abbās Aḥmad (t.w 1004H), *op.cit.*, h.358; al-Ḥuṣnī (t.t), *op.cit.*, h.304; al-Juwāinī, (t.w 478H), *op.cit.*, h.344; al-Ghamrāwī (t.t), *op.cit.*, h.296; al-Maḥallī (t.w 971 H), *op.cit.*, h.340; al-Sheikh 'Alī al-Sa'dhī al-'Adwā al-Malikī, *op.cit.*, h.211; al-Mardāwī(t.w 885H), *op.cit.*, h.10; lihat juga Ibn Qudāmah, (t.w 620H), *op.cit.*, h.229

⁷⁰ Ibn 'Abidīn (1994), *op.cit.*, h.555-556; Ibn Humām (t.w 681H), *op.cit.*, h.219

Pendapat ini turut disokong oleh ramai ulama' kontemporari seperti Wahbah al-Zuhaylī, Muhammad Kamāl al-Dīn Imām, 'Abd al-Latīf Muḥammad 'Amīr dan Murat Çizaçka memandangkan kepada keperluan wakaf berbentuk wang tunai pada hari ini. Antara syarat yang digariskan adalah wang tersebut mestilah daripada hasil yang halal di sisi Syara' dan ditukarkan kepada harta kekal bagi mencapai maksud wakaf, menjana manfaat yang berterusan⁷¹.

Kesimpulannya daripada perbincangan ini, mewakafkan wang adalah diharuskan, melihat kebiasaan (*'uruf*) di kalangan masyarakat Islam dewasa ini termasuklah di Malaysia. Tambahan pula, wakaf wang mempunyai kemaslahatan yang besar dalam menggalak dan memperluaskan lagi ibadah ini di kalangan masyarakat Islam.

2.5.3 Fatwa Wakaf Tunai

Akademi Fiqh Islam Sedunia atau dalam bahasa arabnya (مجمع الفقه الإسلامي الدولي) telah mengeluarkan *qarar* akan keharusan wakaf secara tunai. Qarar tersebut dikeluarkan menerusi hasil persidangan kelima belas yang telah diadakan di Muscat (Oman) pada 14 hingga 19 Muharram 1425 H, bersamaan dengan 6 hingga 11 Mac 2004.⁷² Begitu juga dengan, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali Ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Kuala Terengganu telah

⁷¹al-Zuhaylī, Wahbah (2007), *op.cit.*, h. 183; Muḥammad Kamāl al-Dīn Imām (2002), *Niẓām al-Irth wa al-Waṣāyā wa al-Awqāf fī al-Fiqh al-Islāmī*, Bayrūt: Manshurāt al-Ḥalabī al-Ḥuqūqiyah, h.212; 'Abd al-Latīf Muḥammad 'Amīr (2006), *Aḥkām al-Waṣāyā wa al-Waqf*, Qāhirah: Maktabah Wahbah, h.249; Murat Çizaçka (1998), "Awqaf In History and Its Implications For Modern Islamic Economies", *Islamic Economic Studies*, Vol. 6 (1), November 1998, h.43-70

⁷² International Fiqh Islami Academy, <http://www.fiqhacademy.org.sa/qararat/15-6.htm>, No. Qorar 140 (15/6) bertajuk " بشأن الاستثمار في الوقف " "وقف غلاته وربيعه"

bersepakat memutuskan berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan di dalam Islam⁷³.

Wakaf secara tunai ini adalah diharuskan antaranya kerana melihat kepada maqasid syariahnya atau objektif daripada ibadah wakaf ini yakni menahan yang asal dan mendedekahkan manfaatnya dapat dicapai walaupun menggunakan wang. Wang yang diwakafkan ini dijadikan sebagai penyimpan nilai dan digunakan sebagai medium pertukaran kepada barangan atau aset lain. Selain itu juga, mewakafkan wang tunai untuk dijadikan modal pinjaman cara Islam yakni Qard al-Hasan atau sebagai pelaburan adalah dibenarkan, baik dilakukan secara langsung mahupun dengan penyertaan sejumlah pewakaf dalam satu tabung atau melalui terbitan saham wakaf tunai⁷⁴.

2.6 Rukun Wakaf dan syarat-syaratnya

Sebagaimana ibadah lain yang mempunyai rukun dan syarat tertentu, begitu juga dengan ibadah wakaf. Rukun-rukun wakaf dan syarat-syarat sah wakaf telah digariskan bagi memastikan ibadah wakaf ini dilaksanakan mengikut Syara'. Rukun-rukun wakaf dan syarat-syaratnya telah disimpulkan berdasarkan hadith mengenai 'Umar r.a yang telah dinyatakan seperti di bawah:⁷⁵

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا : ((أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ أَصَابَ أَرْضًا بِحَيْبَرٍ ، فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا ، فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِحَيْبَرٍ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ أَنْفَسَ عِنْدِي مِنْهُ ، فَمَا تَأْمُرُ بِهِ؟ قَالَ : إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا ، قَالَ : فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ ، أَنَّهُ لَا يُبَاعُ وَلَا

⁷³ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2009), *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan*, Siri 3, C. Pertama 2009, Putrajaya: JAKIM, h.30; Lihat juga <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-berkaitan-pembangunan-tanah-wakaf-di-bawah-rancangan-malaysia-ke-sembilan-rmk>, 1 Jun 2010

⁷⁴ International Fiqh Islami Academy, *op.cit.*

⁷⁵ al-Marghīnānī (t.w 593H), *op.cit.*, h.923

يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ، وَتَصَدَّقَ بِهَا فِي الْفُقَرَاءِ، وَفِي الْقُرْبَى، وَفِي الرِّقَابِ، وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ،
وَالصَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ، وَيُطْعِمَ غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ))⁷⁶

Mafhumnya : Daripada Nāfi', daripada Ibnu Umar telah berkata: "Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar, lalu beliau bertanya pada Rasullullah s.a.w ; "Wahai Rasullullah, sesungguhnya aku telah mendapatkan sebidang tanah di Khaibar, satu harta yang tidak pernah kudapat sama sekali yang lebih baik bagiku selain tanah itu, lalu apa yang dikau perintahkan ke atasku padanya?" maka jawab Baginda s.a.w, "Jika engkau hendak, tahanlah (bekukan) tanah itu, dan sedekahkanlah manfaatnya", lalu Umar menyedekahkannya dengan syarat tanah itu tidak boleh dijual, tidak boleh dihadiahkan dan tidak boleh diwariskan. Sedangkan hasilnya disedekahkan buat kepentingan fakir miskin, kaum kerabat, memerdekakan hamba sahaya, kepentingan di jalan Allah, ibnu sabil dan tetamu. Dan tidak ada halangan bagi orang yang menguruskan (yang diberi kuasa menjaganya yakni Nazir) untuk memakan daripadanya dengan cara yang ma'ruf dan tidak berlebihan⁷⁷ (mengambil upah sebahagian darinya dengan cara yang wajar).

Berdasarkan hadith di atas, syarat-syarat dalam pelaksanaan amalan wakaf ini dapat dibahagikan kepada empat rukun seperti berikut:

2.6.1 Lafaz Akad Wakaf (*Ijāb dan qabūl*)

Ulama' bersepakat bahawa *ijāb* merupakan salah satu daripada rukun wakaf⁷⁸. Antara syarat sahnya adalah lafaz *ijāb* mestilah menunjukkan kepada niat pewakaf secara jelas lagi terang. Lafaz yang digunakan tersebut baik lafaz "Saya mewakafkan" (وَقَفْتُ) mahupun lafaz "Saya menahan" (حَبَسْتُ وَسَبَلْتُ). Sebagai contohnya seperti "Saya mewakafkan tanahku ini". Manakala bagi lafaz yang dinyatakan secara kurang jelas

⁷⁶ Bukhārī (t.w 852H), *op.cit.*, Kitāb al-Shurūt, Bāb al-Shurūt fī al-Waqf, No. ḥadīth 2546/2737, h.488

⁷⁷ Ahmad Sunarto (1992), *op.cit.*, h.738

⁷⁸ al-Khaṭīb al-Sharbīnī (t.w 977H), *Mughnī al-Muḥtāj*, *op.cit.*, h.376-383 dan *al-Iqnā' fī Hil al-Alfāz Abī Shujā'*, *op.cit.*, h.163-165; Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-'Abbās Aḥmad (t.w 1004H), *op.cit.*, h. 366; al-Ghamrāwī (t.t), *op.cit.*, h.297; al-Mardāwī (t.w 885H), *op.cit.*, h.6; al-Qarāfī (t.w 684H), *op.cit.*, h.315; Ibn Humām (t.w 681H), *op.cit.*, h.201-203

atau kinayah, perlulah menggunakan lafaz "Saya sedekahkan" (تَصَدَّقْتُ), "Saya haramkan" (حَرَمْتُ) atau "Saya kekalkan" (أَبَدْتُ)⁷⁹.

Bagi lafaz *qabūl*, jumhur ulama' dari mazhab Shāfi'ī, Mālikī dan Ḥanbalī berpendapat bahawa lafaz *qabūl* merupakan rukun wakaf sekiranya diwakafkan harta tersebut kepada penerima tertentu. Penerima yang telah ditentukan itu pula mestilah terdiri daripada orang yang *ahli* untuk menerimanya, jika tidak, maka diwakilkan oleh walinya⁸⁰.

Terdapat tiga syarat-syarat sah lafaz akad wakaf. Syarat yang pertama adalah menggunakan lafaz yang difahami bahawa kesannya termeterai dengan segera dan putus (التنجيز). Seorang pewakaf yang mewakafkan hartanya, mestilah melafazkan wakafnya tanpa bergantung kepada keadaan tertentu yang menyebabkan pelaksanaan wakaf tersebut tertahan selagi mana hal yang dikehendaki tidak berlaku. Sebagai contoh, apabila pewakaf menyatakan "apabila dia datang, maka saya akan wakafkan harta saya". Syarat yang kedua, pemberian wakaf mestilah kekal untuk selama-lamanya (التأيد). Jumhūr Mazhab Shāfi'ī, Ḥanafī dan satu mazhab Ḥanbalī berpendapat bahawa harta yang diwakafkan dalam tempoh yang singkat atau sementara adalah tidak sah memandangkan wakaf bermaksud menghilangkan atau memindahkan pemilikan untuk tujuan mendapat pahala yang berterusan. Melainkan, sekiranya pewakaf mengaitkan lafaz wakaf dengan kematiannya seperti "setelah aku meninggal dunia, maka aku wakafkan hartaku ini", maka lafaz *ta'liq* ini adalah sah memandangkan harta tersebut

⁷⁹ *Ibid.*

⁸⁰ al-Khaṭīb al-Sharbīnī (t.w 977H), *Mughnī al-Muḥtāj*, *op.cit.*, h.376-383; Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-'Abbās Aḥmad (t.w 1004H), *op.cit.*, h.369; al-Ḥuṣnī (t.t), *op.cit.*, h. 305; al-Ghamrāwī (t.t), *op.cit.*, h.297; al-Mardāwī (t.w 885H), *op.cit.*, h.22-23; al-Qarāfī (t.w 684H), *op.cit.*, h.316

akan diwakafkan selama-lamanya setelah pewakaf meninggal dunia⁸¹. Manakala mazhab Mālikī dan Ḥanbalī tidak mensyaratkan kekal sebagai syarat sah wakaf, justeru, mewakafkan harta dalam tempoh tertentu adalah sah menurut pandangan ini⁸².

2.6.2 Pewakaf (*Wāqif*)

Rukun berikutnya bagi mewakafkan harta adalah pewakaf iaitu orang yang mewakafkan hartanya untuk tujuan kebajikan. Antara syarat yang ditetapkan ke atas pewakaf mestilah orang yang cukup kelayakan iaitu berakal, cukup umur (*'aqil bāligh*) dan tidak disekat untuk menguruskan hartanya disebabkan kebodohan atau muflis. Selain itu pewakaf mestilah terdiri daripada orang yang merdeka dan sempurna pemilikannya. Ini memandangkan mewakafkan harta adalah menyerahkan harta kepunyaan sendiri kepada pihak yang lain tanpa sebarang pertukaran, justeru hamba mahupun orang yang tidak memiliki harta tersebut tidak boleh mewakafkan harta milik orang lain. Hamba pula dikategorikan sebagai tidak memiliki harta kerana dirinya sendiri dimiliki oleh tuannya oleh itu, harta yang diperolehinya juga merupakan milik tuannya. Antara syarat yang lain juga, orang yang mewakafkan hartanya mestilah atas kehendak sendiri dan tanpa paksaan daripada pihak lain⁸³.

2.6.3 Penerima Wakaf (*Mawqūf 'alaih*)

Penerima wakaf merupakan pihak yang sah menerima sesuatu harta wakaf untuk dimanfaatkan. Antara syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi penerima tersebut

⁸¹ al-Khaṭīb al-Sharbīnī (t.w 977H), *Mughnī al-Muḥtāj*, *op.cit.*, h.376-385 dan *aAl-Iqnā' fī Ḥil al-Alfāz Abī Shujā'*, *op.cit.*, h.165-166; al-Baijūrī (t.t), *op.cit.*, h.84-85; al-Ḥuṣnī (t.t), *op.cit.*, h. 304-305; al-Ghamrāwī (t.t), *op.cit.*, h.297-298; al-Marghīnānī (t.w 593H), *op.cit.*, h.923-924; Ibn Humām (t.w 681H), *op.cit.*, h.207-216; Wizārah al-Awqāf wa al-Shū'un al-Islāmiyyah (2006), *op.cit.*, h.123-124

⁸² al-Dusūqī (t.t), *op.cit.*, h.87; al-Kāsānī, *op.cit.*, h.398; Ibn 'Abidīn (1994), *op.cit.*, h.536; Wizārah al-Awqāf wa al-Shū'un al-Islāmiyyah (2006), *op.cit.*, h.124; al-Mardāwī (t.w 885H), *op.cit.*, h.29

⁸³ al-Khaṭīb al-Sharbīnī (t.w 977H), *Mughnī al-Muḥtāj*, *op.cit.*, h.376-383 dan *al-Iqnā' fī Ḥil al-Alfāz Abī Shujā'*, *op.cit.*, h.163; al-Baijūrī (t.t), *op.cit.*, h.79-80; al-Ḥuṣnī (t.t), *op.cit.*, h. 303-307; al-Ghamrāwī (t.t), *op.cit.*, h.296; al-Dusūqī (t.t), *op.cit.*, h.76-78; al-Marghīnānī (t.w 593H), *op.cit.*, h.930-931; Ibn Humām (t.w 681H), *op.cit.*, h.200-201; Wizārah al-Awqāf wa al-Shū'un al-Islāmiyyah (2006), *op.cit.*, h.124-139; al-Qarāfī (t.w 684H), *op.cit.*, h.301

mestilah mereka yang boleh diserahkan hak milik. Ini bermaksud janin yang masih di dalam kandungan, kafir harbi dan orang murtad adalah tidak dibenarkan kerana tidak boleh diserahkan hak milik tersebut memandangkan janin masih di dalam kandungan dan kafir harbi adalah golongan yang akan diperangi. Antara syarat lain juga, harta yang diwakafkan mestilah digunakannya untuk tujuan kebaikan. Oleh itu, harta yang diwakafkan untuk tujuan maksiat dan kemungkaran adalah tidak sah⁸⁴.

2.6.4 Harta yang diwakafkan (*Mawqūf*)

Antara syarat-syarat bagi harta yang diwakafkan mestilah berupa harta yang wujud dan merupakan milik pewakaf. Harta wakaf tersebut juga mestilah ditentukan jenis, bentuk, tempat, luas dan jumlahnya agar tidak timbul kekeliruan. Selain itu, harta wakaf tersebut mestilah dapat dimanfaatkan, bernilai dan diharuskan menurut perspektif Islam, baik harta tersebut berbentuk harta tidak boleh dialih seperti tanah, mahupun harta yang boleh dialih seperti kenderaan, mashāf Al-Quran, senjata dan binatang. Sekiranya wakaf tersebut didapati dalam bentuk manfaat, manfaat itu mestilah yang diharuskan oleh Syara', bersifat kekal dan tidak mudah rosak. Jelas, barangan berupa makanan, minuman dan lilin tidak boleh diwakafkan kerana manfaatnya hanya didapati setelah memusnahkan fizikalnya bagi menggunakannya⁸⁵.

⁸⁴ al-Khaṭīb al-Sharbīnī (t.w 977H), *Mughnī al-Muḥtāj*, *op.cit.*, h.376-383 dan *al-Iqnā' fī Hil al-Alfāz Abī Shujā'*, *op.cit.*, h.163-164; al-Baijūrī (t.t), *op.cit.*, h.78-86; al-Ḥuṣnī (t.t), *op.cit.*, h. 303-307; al-Dusūqī (t.t), *op.cit.*, h.76-78; al-Mardāwī (t.w 885H), *op.cit.*, h.13-20; al-Qarāfī (t.w 684H), *op.cit.*, h.302- (kecuali mengharuskan janin sebagai penerima wakaf memandangkan janin akan dilahirkan dan menjadi Tabi' atau yang mengikut kepada yang telah wujud iaitu ibunya); Wizārah al-Awqāf wa al-Shū'un al-Islāmiyyah (2006), *op.cit.*, h.139-161

⁸⁵ Ibn Qudāmah, (t.w 620H), *op.cit.*, h.229; Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-'Abbās Aḥmad (t.w 1004H), *op.cit.*, h.356-358; al-Khaṭīb al-Sharbīnī (t.w 977H), *Mughnī al-Muḥtāj*, *op.cit.*, h. 376-383 dan *al-Iqnā' fī Hil al-Alfāz Abī Shujā'*, *op.cit.*, h.163; *Al-Iqnā' fī Hil al-Alfāz Abī Shujā'*, *op.cit.*, h.163; al-Ḥuṣnī (t.t), *op.cit.*, h.303-307; al-Maḥallī (t.w 971 H), *op.cit.*, h.339; al-Baijūrī (t.t), *op.cit.*, h.78-86; al-Ghamrāwī (t.t), *op.cit.*, h.297; al-Dusūqī (t.t), *op.cit.*, h.76-78; al-Marghīnānī (t.w 593H), *op.cit.*, h.926-927; al-Mardāwī (t.w 885H), *op.cit.*, h.7-12; Ibn Humām (t.w 681H), *op.cit.*, h.216-220; Wizārah al-Awqāf wa al-Shū'un al-Islāmiyyah (2006), *op.cit.*, h.166-169

2.7 Peranan Wakaf Tunai dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Islam

Peranan wakaf tunai dalam pembangunan negara adalah amat penting. Memandangkan wakaf tunai berpotensi dalam membiayai dan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan dalam bidang keagamaan, pendidikan, kesihatan dan hal-hal kemasyarakatan⁸⁶. Menerusi kemudahan dan perkhidmatan percuma yang disediakan oleh wakaf tunai, golongan yang kurang berkemampuan dapat memenuhi keperluan mereka.⁸⁷ Ini dijelaskan oleh Nor Aini Idris dan Ishak Yussof mengenai hubungkait antara kepentingan memenuhi keperluan asas semua lapisan masyarakat dan pembangunan negara:

"Keterbatasan pencapaian terhadap kemudahan asas seperti perhubungan, perumahan yang selesa, kesihatan dan pendidikan menyumbang kepada produktiviti yang rendah di kalangan golongan miskin. Keadaan ini menjadi punca kepada pendapatan golongan miskin cenderung rendah dan boleh menghadkan perumbuhan pasaran domestik. Secara teorinya, permintaan domestik yang tinggi boleh merangsang aktiviti pengeluaran tempatan, mewujudkan peluang pekerjaan serta menggalakkan pelaburan. Oleh itu, peningkatan pendapatan golongan miskin merupakan asas untuk meningkatkan permintaan domestik yang selanjutnya boleh membawa kepada pertumbuhan ekonomi. Usaha meningkatkan kemudahan asas golongan miskin ini dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi secara menyeluruh."⁸⁸

Justeru, wakaf tunai yang mampu menyediakan kemudahan dan perkhidmatan dalam bidang keagamaan, pendidikan, kesihatan dan hal-hal kemasyarakatan sememangnya

⁸⁶ *Ibid.*

⁸⁷ Asmak Ab Rahman (2009), "Peranan Wakaf dalam Membangunkan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya Di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil 17, Bil. 1, Januari-April 2009, h. 113-152 (kertas kerja dibentangkan di International Conference Islamic Economy and Social Justice: Reinforcing Equity for the Common Well-Being di Indonesia pada 24-27 Julai 2008)

⁸⁸ Nor Aini Idris dan Ishak Yussof (2009), "Ekonomi Malaysia dalam Konteks Pembangunan Seimbang", dalam Nor Aini Idris dan Ishak Yussof (eds.), *Ekonomi Malaysia Ke Arah Pembangunan Seimbang*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), h.23-38

dapat menyumbang kepada pembangunan negara sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

2.7.1 Peranan Wakaf Tunai dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Islam Berdasarkan Sejarah

Menurut Çizaçka, mewakafkan harta dalam bentuk wang atau dikenali sebagai wakaf tunai pada zaman awal pemerintahan Islam tidak disebutkan dalam sejarah. Akan tetapi, berdasarkan kepada fatwa Imam Zufar ketika itu yang mengharuskan wakaf wang dinar atau dirham yang dijadikan sebagai modal pinjaman mudharaba, membuktikan kemungkinan telah wujud wakaf tunai pada zaman tersebut⁸⁹.

Manakala menurut Jon E. Mandaville, tiada rekod yang membuktikan amalan wakaf tunai dijalankan sebelum pemerintahan Khilafah Uthmaniyyah, sehinggalah pada abad ke-15 Masihi yang bermula di Edirne⁹⁰, Turki. Seorang lelaki telah mewakafkan beberapa kedainya di Ağaçpazari beserta wang 10,000 akçe tunai pada tahun 1423. Pendapatan yang diperolehi daripada hasil sewaan dan modal pinjaman daripada hasil wakaf tersebut kemudiannya digunakan bagi membayar upah kepada tiga orang dengan kadar 1 akçe setiap hari untuk membaca ayat Al-Quran di Masjid Kilise. Pada tahun 1442 pula, Balapan Paşa, seorang pegawai kerajaan telah mewakafkan hartanya dengan jumlah yang agak besar iaitu; empat buah kedai, sebuah tempat mandi awam, dan wang sejumlah 30,000 akçe bagi membiayai pembinaan dan penyelenggaraan sebuah masjid, dapur sup dan sebuah sekolah yang diwakafkan di Gallipoli⁹¹.

⁸⁹ Murat Çizaçka (1998), *op.cit.*, h.43-70

⁹⁰ Sebuah kawasan yang susah untuk dihuni telah berjaya dibangunkan pada zaman Khilafah Uthmaniyyah, lihat M. Jandra Moh. Janan (2008), "Memproduktifkan Wakaf: Pengalaman di Indonesia", *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat & Wakaf* pada 18-19 Oktober 2008, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bil. 24, h.419-452

⁹¹ Jon E. Mandaville (1979), "Usurious Piety: The Cash Waqf Controversy in The Ottoman Empire", *International Journal of Middle East Studies*, Cambridge University Press, Vol. 10, No. 3, Ogos 1979, h.289-308

Menurut Boudjellal, dalam satu kajian yang dijalankan oleh Roded ke atas 104 harta wakaf di Mesir, Syria, Palestin dan Turki dalam lingkungan tahun 1340-1947. Beliau mendapati hampir 58 peratus daripadanya terletak di kawasan bandar-bandar terdiri daripada kedai-kedai komersil, rumah kedai, flat dan rumah; 35 peratusnya pula yang terletak di kampung-kampung merupakan tanah pertanian, kebun dan dusun; selebihnya adalah 7 peratus yang mana 5.5 peratus dalam bentuk wakaf tunai⁹². Beberapa tahun kemudian pada abad ke-15 dan 16, wakaf secara tunai mula diterima dan diiktiraf dalam perundangan Khilafah Uthmaniyyah. Rentetan itu, amalan wakaf secara tunai telah menjadi popular di seluruh Anatolia dan Balkan⁹³. Sebanyak 142 buah universiti, 273 buah jambatan, 16 buah rumah tumpangan dan sebagainya telah didirikan di Turki dan dibiayai oleh institusi wakaf⁹⁴.

Seterusnya di Basra, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Çizaçka, wakaf tunai mempunyai kedudukan dan peranan yang penting dalam masyarakat sekitar tahun 1555 sehingga 1823. Dana wakaf tunai telah digunakan untuk menaja pelbagai aktiviti kebajikan antaranya dalam bidang pembangunan pendidikan, makanan, keluarga, kehakiman; membayar gaji kepada hakim tempatan, bayaran kepada pengurusan penjara, penyelenggaraan bangunan, masjid dan bangunan sewaan, agama, dan perkhidmatan sosial kepada masyarakat seperti tempat mandi awam, membantu orang awam membayar cukai, gaji mutawalli, kerja pengairan dan gaji pekerja⁹⁵.

⁹² Ruth Roded (1989), "Quantitative Analysis of Waqf Endowment Deeds" dalam Mohammed Boudjellal (2008), "The Need for a New Approach to the Role in Socioeconomic Development of Waqf in the 21st Century", *Review of Islamic Economics*, 12 (2), h.125-136; Achmad Tohirin (2010), "The Cash Waqf for Empowering the Small Businesses", (kertas kerja dibentangkan dalam Seventh International Conference- The Tawhidi Epistemology Zakat and Waqf Economy, Bangi 2010), h.485-499

⁹³ Murat Çizaçka (1998), *op.cit.*, h. 43-70

⁹⁴ M. Jandra Moh. Janan (2008), *op.cit.*, h.419-452

⁹⁵ Birol Baskan (2002), "Waqf System As A Redistribution Mechanism In Ottoman Empire", *Northwestern University: Department of Political Science*, April 2002, h.1-25; Murat Çizaçka (2004), "Ottoman Cash Waqf Revisited: The Case of Bursa 1555-1823", *Foundation for Science Technology and Civilisation*, United Kingdom: Foundation for Science Technology and Civilisation Limited, Jun 2004, h.1-20

Di Mesir pada tahun 1946, ulama Mesir telah memfatwakan keharusan mewakafkan harta alih dan mengiktirafnya sebagai kanun negara⁹⁶. Dengan itu, wakaf secara tunai juga telah tersebar luas di Mesir⁹⁷. Universiti Al-Azhar yang merupakan mercu pendidikan di Mesir, umpamanya, telah didirikan hasil daripada sumbangan pelbagai harta wakaf. Di atas tanah wakaf, terbinanya pusat pengajian tersebut dan hospitalnya, manakala hasil pendapatan dari pelaburan wakaf ekonominya pula digunakan bagi membiayai pengurusannya⁹⁸. Merujuk pada Shatzmiller, pada tahun 1986, Universiti Al-Azhar telah memperuntukkan sejumlah £ 147,324,300 bagi membiayai pendidikan dan penyelenggaraan bangunan termasuk perbelanjaan mengurus 55 buah fakulti dan 6,154 tenaga pengajarnya yang terdiri daripada 849 orang profesor, 819 orang profesor madya, 1,517 orang pensyarah, 1,456 orang tutor dan 1,510 orang 'readers'⁹⁹. Manakala sebuah hospital di Kaherah, Hospital Qalawoon telah dibina oleh Al-Mansoor Saif al-Din Qalawoon (1284 masihi)¹⁰⁰. Hospital tersebut yang terkenal dengan rawatannya, mempunyai sebuah sekolah, perpustakaan dan masjid di bahagian dalamnya. Seluruh institusi ini dijana semata-mata menggunakan kutipan wang wakaf. Individu-individu kaya akan mewakafkan wang berjumlah sekurang-kurangnya 1,000 Dirham (wang perak) setahun¹⁰¹.

Pada tahun 1993, Kuwait pula telah menubuhkan Yayasan Wakaf Am Kuwait atau dikenali dengan Kuwait Awqaf Public Foundation (KAPF) sebagai dana bagi projek-projek pembangunan tanah wakafnya. Hasilnya terdapat peningkatan wakaf baru, iaitu

⁹⁶ Abū Zahrah, Muhammad (2007), *Muḥādrāt fī al-Waqf*. Jāmi‘ah al-Duwal al-‘Arabiyyah: al- Ma‘ahad al-Dirāsāt al-‘Arabiyyah al-‘Alīyah (1959), h.120; Murat Çızaçka (1998), *op.cit.*, h.43-70

⁹⁷ *Ibid.*

⁹⁸ Ahmad Zaki Ibrahim (2009), "Institusi Al-Azhar: Keunggulan Pengurusan Dana Wakaf Dalam Sejarah Tamadun Islam", (Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar "Wakaf Melestarikan Hadharah Ummah" yang dianjurkan oleh JAWHAR, Putrajaya, 22 Disember 2009), h.1-15

⁹⁹ M. Jandra Moh. Janan (2008), *op.cit.*, h. 419-452; Timur Kuran (2001), "The Provision Of Public Goods Under Islamic Law: Origin, Contribution and Limitation Of The Waqf System", *Law & Society Review*, 35 (4), h.841-897 (Center for Law, Economic and Organization, Research Paper Series, Research Paper No.C 01-13 and C01-24, University of Southern California Law School, Los Angeles,U.S.A)

¹⁰⁰ Pada asalnya, hospital tersebut merupakan sebuah istana untuk salah seorang putera raja Kaherah, yang mana telah ditukar kepada sebuah hospital. *Lihat* Laman Islamic Relief Malaysia, [http:// www.irm.org.my/portal/bm/waqf-emergency-a-relief-waqf](http://www.irm.org.my/portal/bm/waqf-emergency-a-relief-waqf), 10 November 2010

¹⁰¹ *Ibid.*

daripada KD 591,195 pada tahun 1995, meningkat kepada KD 3,229,657 pada tahun 1999 dan KD 1,671,016 pada tahun 2002. Bahkan terdapat juga Tabung Wakaf yang diselenggarakan bawah KAPF ini, sebagai contohnya, tabung wakaf Al-Quran dan ilmu-ilmu berkaitannya, pengurusan masjid, orang kurang upaya, alam sekitar, pembangunan saintifik, budaya dan pemikiran, pembangunan kesihatan, pembangunan keluarga dan komuniti, kerjasama Islam dan lain-lain. Aktiviti-aktiviti amal lain yang dilakukan oleh KAPF adalah menyediakan minuman percuma di tempat-tempat awam dan bantuan makanan serta pakaian kepada golongan yang susah. Pada tahun 2002, KAPF telah membelanjakan KD 211,100 untuk tujuan kebajikan dan KD 100,000 untuk fasiliti awam¹⁰².

Di Dubai, kerajaan Dubai telah menubuhkan sebuah yayasan wakaf yang dikenali sebagai Awqaf and Minor Affairs Foundation (AMAF), bertujuan bagi membangunkan sosioekonomi masyarakatnya menerusi kerjasama kalangan masyarakat. Sehubungan dengan itu, antara tugas yang diamanahkan ke atas AMAF adalah bagi menyelia harta wakaf dan menyelenggaranya, memberi nasihat dan rundingan kepada pemegang amanah harta wakaf, dan mengurus pelaburan dana wakaf bagi membangunkan projek-projek ekonomi yang mempunyai potensi besar dengan mengikut cara pelaburan dana yang bersesuaian dengan syarat-syarat Syariah Islam. Di samping itu, AMAF juga bertanggungjawab meluaskan aktiviti amal ini dengan mendorong orang ramai untuk menyumbang harta padanya¹⁰³. Dana-dana ini disalurkan untuk kegunaan pengurusan masjid-masjid, penyebaran ilmu Al-Quran dan Sunnah, kajian dalam ilmu Sains dan budaya, penjagaan sosial, penyediaan perkhidmatan kesihatan, dan dana bagi

¹⁰² Ahmad Zaki Abdul Latiff (et al.) (2008), *Wakaf: Pengurusan dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA, h. 24-27; Nada al-Duaij dan Eisa al-Anzi (2009), *The Environmental Laws and Regulations in Islamic Waqf: Application to the Situation in Kuwait*, http://works.bepress.com/cgi/viewcontent.cgi?article=1001&context=eisa_al_enizy, h.1-34; lihat juga laman web Kuwait Awqaf Public Foundation, <http://www.awqaf.org/portal.aspx?tabid=75>, 15 Julai 2010

¹⁰³ Awqaf and Minor Affairs Foundation Government of Dubai, [http://amaf.gov.ae/amaf/About%20AMAF/Strategic Objectives](http://amaf.gov.ae/amaf/About%20AMAF/Strategic%20Objectives), 10 November 2010; Abdulaziz El Jaouhari dan Sami Hasan (2010), "Muslim Charitable Foundations in West Asia: Innovations, Lessons and Challenges", UAE University, Al Ain, United Arab Emirates, lihat International Society For Third-Sector Research, https://istr.conference-services.net/resources/588/1799/pdf/ISTR2010_0236.pdf, 22 November 2010

menyebarkan kebenaran dan ketakwaan¹⁰⁴. Antara projek yang telah berjaya dilaksanakan seperti dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1
Projek Awqaf and Minor Affairs Foundation (AMAF), Dubai

Bangunan	Ciri-ciri	Jumlah pembiayaan projek	Pendapatan dianggarkan	Kadar keuntungan pelaburan tahunan
(a) Musalla Al Eid	108 buah flat dan 95 buah kedai	83,898,607 Dhs	13,582,985.90 Dhs	16.1%
(b) Al-Aquil	72 buah flat dan 9 buah kedai	107,255,500 Dhs	5,000,000 Dhs	7%
(c) Dubai Club untuk aktiviti sukan khas di Al-Nahda	88 buah flat, 5 buah kedai dan 18 buah pejabat	115,817,000 Dhs	11,055,000 Dhs	9.5%

Sumber: Diubahsuai daripada Awqaf and Minor Affairs Foundation Government of Dubai, <http://www.amaf.gov.ae/portal/page/portal/AMAF/Investment%20Projects/All%20Projects/Completed>, 10 November 2010

Di Syria, pengurusan harta wakaf secara amnya mula ditadbir bawah Kementerian Awqaf Syria. Undang-undang Kerajaan Syria No. 204, bertarikh 11 Disember 1961 telah memperuntukan bahawa qadhi bertanggungjawab untuk menubuhkan Kementerian Awqaf di Negara tersebut dan menguruskannya. Sehubungan dengan itu, semua bentuk sumbangan yang diberikan baik berupa wang tunai mahupun barangan disalurkan ke dalam tabung dana awqaf ini. Dana wakaf ini kemudiannya bertanggungjawab mengagih sumbangan tersebut bagi kegunaan guru-guru sekolah agama, rumah-rumah anak yatim dan tempat-tempat atau yayasan-yayasan kebajikan yang bernaung bawah kementerian ini¹⁰⁵.

Di Sudan, pembangunan sebenar harta-harta wakaf berkisar pada tahun 1991, apabila kerajaan Sudan memberikan arahan baru kepada *Awqaf Corporation* dengan beberapa kelebihan. Kelebihan utama yang diberikan dalam memperuntukkan sebahagian tanah

¹⁰⁴ Awqaf and Minor Affairs Foundation Government of Dubai, <http://www.amaf.gov.ae/amaf/Endowment%20Corner/Endowment%20Way-Outs>, 10 November 2010

¹⁰⁵ Kementerian Wakaf Syria (وزارة الأوقاف جمهورية سورية), <http://www.syrianawkkaf.org/new/#2>, 10 November 2010

yang baru dimiliki oleh kerajaan dan tanah-tanah lot yang baru didirikan kediaman dan sub-bahagian komersial. Ini bertujuan menarik lebih ramai orang awam untuk memberi sumbangan bagi membangunkan harta-harta wakaf ini¹⁰⁶. *Awqaf Corporation* turut mewujudkan wakaf tunai bagi membiayai dan melaksanakan beberapa projek Awqaf. Antaranya, menyediakan kediaman pelajar universiti, biasiswa, pusat kesihatan dan farmasi, mesin pencetak Al-Quran, dan juga menyediakan tempat persinggahan bagi jemaah haji dan umrah sekitar pelabuhan laut dan lapangan terbang. *Awqaf Corporation* juga telah mewujudkan organisasi sokongan seperti syarikat kewangan dan syarikat pembinaan bagi membantunya dalam perancangan-perancangan pembangunan yang hendak dilaksanakan¹⁰⁷.

Kewujudan Sijil Wakaf Tunai di Bangladesh yang telah dilancarkan oleh Social Investment Bank Ltd. (SIBL), dilihat mampu menjadi mekanisme agihan semula kepada golongan miskin. Sijil Wakaf Tunai ini yang julung kalinya diwujudkan dalam sejarah perbankan dapat memberi peluang kepada golongan yang kaya dan berpendapatan tinggi untuk membuat pelaburan dengan jumlah minima depositnya Tk.100. Keuntungan daripada dana yang diperolehi disalurkan bagi tujuan-tujuan kebajikan dalam bidang keagamaan, pendidikan dan perkhidmatan sosial¹⁰⁸. Selain itu, terdapat juga bank lain di Bangladesh yang menawarkan sijil wakaf tunai iaitu Islamic Bank Bangladesh Ltd (IBBL) yang dikenali sebagai *Mudaraba Waqf Cash Deposit Account* (MWCDA). Golongan yang berkemampuan mendepositkan wakaf tunai, dengan jumlah minimanya Tk.50 ribu, untuk dijadikan sebagai modal pelaburan


¹⁰⁶Ali Ahmed Al-Nasri, "Study on Waqf Laws in Sudan" dalam Monzer Kahf (1998), "Contemporary Issues in the Management of Investment Awqaf in Muslim Countries and Communities", (Kertas kerja dibentangkan dalam International Seminar on Awqaf and Economic Development pada 2-4 Mac 1998)

¹⁰⁷ Ahmed Majdhub Ahmed, "Revenues of Islamic Awqaf" dalam Monzer Kahf (1998), "Contemporary Issues in the Management of Investment Awqaf in Muslim Countries and Communities", (Kertas kerja dibentangkan dalam International Seminar on Awqaf and Economic Development pada 2-4 Mac 1998)

¹⁰⁸ M. Jandra Moh. Janan (2008), *op.cit.*, h.419-452; Wan Ariffin Wan Yon, Mohd Syahiran Abdul Latif dan Hasan Bahrom (2008), "Mekanisme Wakaf: Gagasan Awal Terhadap Pembangunan Dan Pembiayaan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Islam Borneo", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Putrajaya: Yayasan Waqaf Malaysia, Vol.2, No.2(3), h.63-86; lihat juga Laman web Social Investment Bank Limited, http://www.sibbd.com/html/cash_waqf_scheme.html, 15 Julai 2010; Ahmad Zaki Abdul Latiff (et al.) (2008), *op.cit.*, h.23-24

menerusi prinsip al-mudharabah. Pewakaf juga memiliki hak untuk memilih tujuan wakaf pelaburan sepertimana telah diperuntukan oleh pihak bank untuk tujuan pembangunan keluarga, pembangunan pendidikan & kebudayaan, kebajikan kesihatan & kebersihan atau kebajikan sosial. Rajah 2.1 menerangkan mengenai pelaksanaan wakaf tunai di bank-bank di Bangladesh¹⁰⁹.

Rajah 2.1
Pelaksanaan Wakaf Tunai di bank-bank di Bangladesh



Sumber: Diubahsuai daripada Islamic Bank Bangladesh Ltd (IBBL) (2010), http://www.islamibankbd.com/waqf_cash.php, 15 Julai 2010 dan Social Investment Bank Limited (SIBL) (2010), http://www.sibld.com/html/cash_waqf_scheme.html, 15 Julai 2010

Wakaf tunai di Indonesia pula mula berkembang pada tahun 1993, apabila Dompot Dhuafa Republika sebuah lembaga bukan bermotif keuntungan ditubuhkan dengan matlamat membantu golongan miskin melalui dana ZISWAF (Zakat, Infaq, Sedekah dan Waqaf). Pada 14 September 1994, lembaga ini telah dibentuk menjadi sebuah yayasan bagi mengoptimumkan pengurusan kutipan dan agihannya. Setelah itu pada 8 Oktober 2001 pula, Menteri Agama Republik Indonesia telah melantik yayasan ini sebagai Lembaga Amil Zakat di Indonesia.¹¹⁰ Yayasan ini kemudiannya memperkenalkan wakaf inventasi (lanjutan daripada wakaf tunai) menerusi Tabung Wakaf Indonesia (TWI) bagi membantu masyarakat melalui program-programnya seperti wakaf penternakan, wakaf pertanian, wakaf perkebunan, wakaf usaha

¹⁰⁹ Ahmad Zaki Abdul Latiff (et al.) (2008), *op.cit.*, h. 23&24; lihat juga laman web Islamic Bank Bangladesh Ltd (2010), http://www.islamibankbd.com/waqf_cash.php, 15 Julai 2010

¹¹⁰ Dompot Dhuafa Republika, http://www.dompetdhuafa.org/dd.php?x=tentangdd&y=4015522_cd0e76095557504df7dd34c3d, 15 Julai 2010

perdagangan dan wakaf sarana niaga. Bahkan TWI telah berjaya membangunkan Wisma Mualaf bagi membantu golongan mualaf, Rumah Cahaya iaitu sebuah perpustakaan, Smart Ekslensia Indonesia (SMART) yang terdiri daripada sekolah peringkat SMP dan SMU, serta pusat kesihatan yang diberi nama "Layanan Kesehatan Cuma Cuma (LKC)" yang telah merawat hampir 10,000 orang pesakit semenjak ditubuhkan pada tahun 2001.¹¹¹ Dari sudut perundangan pula, wakaf tunai atau disebut *wakaf uang* telah dikanunkan dalam pasal UU No 41/2004 pasal 28,29,30 & 31 berkaitan wakaf di Indonesia yang menyebut tentang wakaf uang secara khusus, iaitu "*Wakaf Benda Bergerak Berupa Uang*"¹¹².

Melalui konsep wakaf tunai ini, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) telah melaksanakannya dengan menarik penyertaan sebanyak 170,000 pekerja Islam. Dengan menggunakan mekanisme CPF, penyumbang membuat caruman sebanyak daripada kadar minima SG \$2 sehingga SG \$11.50 sebulan dan disalurkan kepada dana tersebut. Sehingga kini, dana tersebut telah berjaya menggumpulkan sehingga SG \$6 juta setiap tahun dan hasilnya, 29 buah masjid telah siap dibina pada tahun 2006¹¹³.

Kejayaan wakaf tunai ini juga dapat dilihat apabila sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang berpusat di England, *Islamic Relief*¹¹⁴, telah mengumpulkan hampir tiga puluh juta pound sterling setiap tahun. Dana wakaf tersebut diagihkan untuk pelbagai aktiviti kebajikan, antaranya, tabung pendidikan, kesihatan, bekalan air dan sanitasi, penjanaaan pendapatan, tabung masa hadapan, qurbani, darurat dan bantuan seperti yang

¹¹¹ M. Jandra Moh. Janan (2008), *op.cit.*, h. 419-452; *lihat juga* Dompot Dhuafa Republika (2010), <http://www.dompetdhuafa.org/dd.php?x=wakaf>, 15 Julai 2010; *lihat juga* Tabung Wakaf Indonesia, http://www.tabungwakaf.com/index.php?option=com_content&view=article&id=12&Itemid=18, 15 Julai 2010


¹¹² Agustianto M.Ag (2006), "Wakaf Tunai Dalam Hukum Positif dan Prospek Pemberdayaan Ekonomi Syari'ah", (Kertas kerja dibentangkan pada acara Studium General Stain Kediri, 20 September 2006), h.1-14

¹¹³ Shamsiah Abdul Karim (2010), "Contemporary *Shari'a* Compliance Structuring for the Development and Management of *Waqf* Assets in Singapore", *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, 2-3 March 2010, h.143-164; Shamsiah Abdul Karim (2006), "Pengurusan dan Pembangunan Wakaf Di Singapura", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)

¹¹⁴ Sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang telah ditubuhkan oleh Dr Hany El Banna pada tahun 1984; *lihat* Laman *Islamic Relief* Worldwide, <http://www.islamic-relief.com/Whoware/Default.aspx?depID=2>, 15 Julai 2010

terkandung dalam Rajah 2.2. Dana wakaf tersebut juga berjaya disalurkan kepada lebih dari lima juta orang yang berada di 25 buah negara seperti Bosnia misalnya, sehingga dapat menyediakan peluang pekerjaan bagi lebih dari 7,000 orang melalui program *Income Generation Waqf*¹¹⁵.

Rajah 2.2
Agihan Dana Wakaf *Islamic Relief*



Sumber: Diubahsui daripada laman web *Islamic Relief Worldwide*, <http://www.islamic-relief.com/Whoware/Default.aspx?depID=2>, 15 Julai 2010

Kejayaan wakaf tunai terserlah apabila telah berjaya meringankan beban kerajaan dalam membiayai kemudahan dan perkhidmatan dalam bidang keagamaan, pendidikan, kesihatan dan hal-hal kemasyarakatan¹¹⁶. Rajah 2.3 menunjukkan peranan wakaf tunai di beberapa buah negara di dunia. Pelaksanaan wakaf tunai dimanfaatkan bagi menjana pembangunan hartanah wakaf di negara-negara terbabit, selain digunakan bagi membiayai dan mewujudkan pelbagai kemudahan untuk masyarakat. Terdapat juga tabung wakaf tunai yang ditubuhkan ini dikhususkan kepada penerima tertentu seperti orang kurang upaya, anak-anak yatim, saudara baru (*mua'llaf*) dan fakir miskin bagi memudahkan lagi dana ini disalurkan dan dimanfaatkan. Amalan wakaf tunai ini turut tersebar ke Malaysia¹¹⁷.

¹¹⁵ Laman *Islamic Relief Worldwide*, <http://www.islamic-relief.com/Whoware/Default.aspx?depID=2>, 15 Julai 2010; Wan Ariffin Wan Yon, Mohd Syahiran Abdul Latif & Hasan Bahrom (2008), *op.cit.*, h.63-86; Asmak Ab Rahman (2009), *op.cit.*, h. 113-152

¹¹⁶ *Ibid.*

¹¹⁷ Siti Mashitoh Mahamood (2007), *op.cit.*, h.61-83; Hasnol Zam Zam Ahmad (2007), "Cabaran Dalam Mempertingkatkan Potensi Pembangunan Tanah Wakaf", *Jurnal Pengurusan JWZH*, Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JWZH), jil. 1, 1 (1), h.1-12; Murat Çızaçka (1998), *op.cit.*, h. 43-70

Jadual 2.2
Peranan Wakaf Tunai di beberapa buah negara terpilih

Negara	Badan Pelaksana	Pembangunan hartanah wakaf	Keagamaan	Pendidikan	Kesihatan	Pembangunan ekonomi	Sosial dan Kebajikan	Dikhususkan bantuan kepada			
								Anak yatim	Saudara baru	OKU	Fakir miskin
Bangladesh	Social Investment Bank Limited (SIBL)		√	√			√				
	Islamic Bank Bangladesh Limited (IBBL)			√	√		√				
Indonesia	Tabung Wakaf Indonesia (TWI)			√	√	√	√	√	√		
Kuwait	Kuwait Awqaf Public Foundation (KAPF)		√	√	√					√	√
Malaysia	Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)	√				√			√	√	
Mesir	Kementerian Waqaf	√	√	√	√	√	√				
Singapura	Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)		√	√		√	√				
Dubai	Awqaf and Minority Foundation (AMAF)	√	√	√	√	√		√			
Sudan	Awqaf Corporation	√	√	√	√	√	√				
Syria	Kementerian Awqaf Syria		√	√				√			
Islamic Relief				√	√	√		√		√	√

Sumber: Diubahsuai daripada pelbagai sumber¹¹⁸

¹¹⁸ Ahmad Zaki Ibrahim (2009), *op.cit.*, h.1-15; M. Jandra Moh. Janan (2008), *op.cit.*, h. 419-452; Timur Kuran (2001), *op.cit.*; Ahmad Zaki Abdul Latiff (et al.) (2008), *op.cit.*, h. 23-27; Nada al-Duaij dan Eisa al-Anzi (2009), *op.cit.*, h.1-34; Shamsiah Abdul Karim (2010), *op.cit.*, h.143-164; Shamsiah Abdul Karim (2006), *op.cit.*; Asmak Ab Rahman (2009), *op.cit.*, h. 113-152; Ali Ahmed Al-Nasri, "Study on Waqf Laws in Sudan" dalam Monzer Kahf (1998), *op.cit.*; Ahmed Majdhub Ahmed, "Revenues of Islamic Awqaf" dalam Monzer Kahf (1998), *op.cit.*; Wan Ariffin Wan Yon, Mohd Syahiran Abdul Latif dan Hasan Bahrom (2008), *op.cit.*, h.63-86; Abdulaziz El Jaouhari dan Sami Hasan (2010), *op.cit.*; Laman Islamic Relief Malaysia,

2.7.2 Perkembangan Wakaf Tunai di Malaysia

Wakaf tunai di Malaysia pada mulanya tidak begitu dikenali dan kurang mendapat sambutan di kalangan masyarakat, walaupun pengamalan wakaf tunai telah lama berlaku dalam bentuk pemberian derma untuk pembelian tanah wakaf masjid, bahan-bahan binaan masjid, surau dan madrasah. Namun begitu, umat Islam di Malaysia lebih cenderung mewakafkan harta mereka dalam bentuk tanah bagi mendirikan masjid, surau, sekolah agama ataupun tanah perkuburan. Ini berdasarkan kepada dua faktor, fahaman tradisi turun temurun dan pegangan kepada mazhab Shāfi'ī yang menjadi mazhab fiqh rasmi di Negara ini. Oleh yang demikian, hampir ke semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) hanya menumpukan kepada amalan berwakaf cara tersebut¹¹⁹.

Menurut Siti Mashitoh Mahamood, wakaf tunai telah bermula dengan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIAMP) yang melaksanakannya melalui peruntukan statutori Peraturan 18(2), Peratoran Kawalan Wakaf 1959 yang berbunyi:

"Jawatankuasa Kawalan Wakaf Negeri boleh-lah menerima wang tunai daripada siapa-siapa yang berhajat hendak mewakafkan bagi faedah am dengan mengisi satu borang yang ditetapkan bagi-nya".

Peruntukan tersebut jelas memberikan kebenaran kepada Jawatankuasa Kawalan Wakaf Negeri Perak bagi menerima wang tunai sebagai harta untuk diwakafkan oleh penyumbang¹²⁰.

<http://www.irm.org.my/portal/bm/waqf-emergency-a-relief-waqf>, 10 November 2010; Laman web Kuwait Awqaf Public Foundation, <http://www.awqaf.org/portal.aspx?tabid=75>, 15 Julai 2010; Awqaf and Minor Affairs Foundation Government of Dubai, [http://amaf.gov.ae/amaf/About%20AMAF/Strategic Objectives](http://amaf.gov.ae/amaf/About%20AMAF/Strategic%20Objectives), 10 November 2010; lihat International Society For Third-Sector Research, https://istr.conferenceservices.net/resources/588/1799/pdf/ISTR2010_0236.pdf, 22 November 2010; Awqaf and Minor Affairs Foundation Government of Dubai, <http://www.amaf.gov.ae/amaf/Endowment%20Corner/Endowment%20Way-Outs>, 10 November 2010; Kementerian Wakaf Syria (وزارة الأوقاف السورية), <http://www.syrianawkkaf.org/new/#2>, 10 November 2010; Laman web Social Investment Bank Limited, http://www.sibld.com/html/cash_waqf_scheme.html, 15 Julai 2010; Laman web Islamic Bank Bangladesh Ltd (2010), http://www.islamibankbd.com/waqf_cash.php, 15 Julai 2010; Dompot Dhuafa Republika, <http://www.dompotdhuafa.org/dd.php?x=tentangdd&y=4015522cd0e76095557504df7dd34c3d>, 15 Julai 2010; Laman web Tabung Wakaf Indonesia, http://www.tabungwakaf.com/index.php?option=com_content&view=article&id=12&Itemid=18, 15 Julai 2010

¹¹⁹ Siti Mashitoh Mahamood (2007), *op.cit.*, h.61-83; Azri Ahmad (2008), *op.cit.*, h.87-98

¹²⁰ *Ibid.*

Setelah beberapa tahun, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Skim Saham Wakaf Pulau Pinang pada 30 Disember 1994. Skim Saham Wakaf ini antara tujuan utamanya mengumpulkan dana bagi menyelesaikan kemelut tanah-tanah wakaf yang terbiar dan tidak berjaya dimajukan oleh pihak Majlis di samping pembelian aset wakaf kekal yang lain seperti tanah, bangunan dan rumah wakaf. Namun pada 18 Oktober 2002, skim ini kemudiannya digantikan dengan Skim Dana Wakaf Pulau Pinang bertujuan menarik lebih ramai penyertaan di kalangan masyarakat Islam setempat untuk beramal jariah¹²¹.

Selain Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) turut mengharuskan wakaf tunai sebagai harta yang boleh diwakafkan menerusi Enakmen No.5 Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 Seksyen 11 (1) (a) berkaitan Skim Wakaf yang menyebut:

"Majlis boleh menubuhkan apa-apa skim wakaf melalui sumbangan wang tunai atau apa-apa sumbangan kewangan yang lain daripada manamana orang, persatuan atau institusi yang diwakafkan kepada Majlis"¹²².

Melalui peruntukan tersebut, Skim Wakaf Tunai Negeri Sembilan yang ditawarkan dalam bentuk unit-unit saham dijual kepada orang ramai yang kemudiannya akan mewakafkan sijil saham tersebut kepada MAINS. Dengan kadar penyertaan minimanya RM 1.00 dan tanpa had maksima, dana wakaf tunai ini digunakan bagi membeli hartanah kekal di samping menebus hartanah milik umat Islam di Negeri Sembilan yang telah tergadai¹²³.

¹²¹ Ahmad Syah Firafizal (2002), "Cadangan Skim Dana Wakaf Pulau Pinang Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang", (Laporan Mesyuarat Jawatakuasa Saham Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang), bil 1/2002, 2 Januari 2002

¹²² *Malaysia States Enactment (2005)*, Enakmen No.5 Wakaf (Negeri Sembilan) Tahun 2005, Seksyen 11 (1) (a), h.29

¹²³ Pamplet Skim Wakaf Tunai, Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan Sdn. Bhd., No 26 Atas, Jalan Taman Komersial Senawang 8, Taman Komersial Senawang, 70450 Senawang, Seremban, N.Sembilan Darul Khusus

Begitu juga di Terengganu yang turut melancarkan Skim Wakaf Tunai Terengganu. Malah, satu fatwa khas yang mengharuskan Skim Wakaf Tunai Terengganu telah dikemukakan daripada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Bagi memastikan pelaksanaannya menepati kehendak Syara', jawatankuasa ini juga turut mengesyorkan antaranya, agar syarat minimum RM 10.00 tidak dikenakan dengan demikian, orang ramai boleh mewakafkan seberapa banyak wang mengikut kemampuan masing-masing dengan sighth lafaz yang telah ditetapkan¹²⁴. Manakala bagi penyertaan wang berjumlah RM 10.00 dan ke bawah darinya dalam Skim ini tidak perlu dikeluarkan sijil¹²⁵.

Di negeri Johor pula, menerusi Enakmen 16 Pentadbiran Agama Islam Johor Tahun 2003 Seksyen 89¹²⁶, Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) telah melancarkan skim Saham Wakaf Johor bagi memajukan harta wakaf yang sedia ada serta menambah hasil dan faedah-faedahnya untuk tujuan kebajikan masyarakat Islam. Skim tersebut menawarkan penyumbang-penyumbanganya untuk membeli saham dengan kadar minimanya RM 10 seunit yang kemudiannya sijil saham tersebut diwakafkan kepada pihak MAIJ untuk menguruskannya¹²⁷.

Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS) menerusi Enakmen 7 Wakaf Negeri Selangor Tahun 1999 Seksyen 39 telah diberi kuasa bagi menerima wakaf tunai sebagai harta yang diwakafkan bawah Kumpulan Wang Wakaf Negeri Selangor. Enakmen tersebut menyebut bahawa:

(1) Majlis boleh menubuhkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Wakaf.

¹²⁴ Sighth lafaz dipinda kepada lafaz: Saya mewakili kepada MAIDAM untuk mewakafkan mana-mana harta kekal melalui cek/BankDraf/Wang Pos/Tunai di atas nama Skim Wakaf Tunai Terengganu sebanyak RM ... untuk diri saya/ Almarhum/ Almarhumah/... demi kebajikan dan kepentingan Agama Islam dan umatnya kerana Allah (s.w.t) selama-lamanya. *Lihat* Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pelaksanaan-wakaf-skim-tunai-terengganu>, 15 Julai 2010

¹²⁵ *Ibid.*

¹²⁶ *Malaysia States Enactment (2003)*, Enakmen No.16 Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) Tahun 2003, Seksyen 89, h.120

¹²⁷ Nooh Gadot (2006), "Amalan Saham Wakaf di Johor", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)

(2) *Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada wang dan harta yang diwakafkan atau apa-apa manfaat dan faedah yang diperolehi daripada mawquf atau melalui istibdal*¹²⁸.

Berdasarkan peruntukan diatas, MAIS dibenarkan melancarkan Skim Saham Wakaf Negeri Selangor. Skim Saham Wakaf ini dilaksanakan dengan penjualan lot-lot am secara tunai kepada pewakaf bagi tujuan pembangunan harta-harta wakaf. Lot-lot yang dijual dengan kadar minimum nilai RM10 seunit dan tanpa kadar maksimum ini kemudiannya diwakafkan kepada MAIS sebagai pemegang amanah¹²⁹.

Manakala di pihak kerajaan persekutuan pula, bagi menzahirkan pendirian dan kesungguhan kerajaan dalam usaha pembangunan sosioekonomi masyarakat Islam, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah diumumkan penubuhannya pada 27 Mac 2004 dan dilancarkan secara rasminya pada tanggal 8 Oktober tahun yang sama. Matlamat utama JAWHAR adalah untuk memastikan pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan¹³⁰.

Sejajar dengan matlamatnya menyelesaikan masalah pembangunan harta wakaf di Malaysia, JAWHAR kemudiannya telah menubuhkan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) pada 14 Februari 2008. YWM merupakan sebuah entiti kebangsaan yang diberi tanggungjawab mengumpulkan dan menyatukan sumber-sumber wakaf untuk dijadikan sumber modal ekonomi wakaf yang berpotensi tinggi. YWM telah melancarkan Skim Wakaf Tunai Malaysia dengan kadar minima RM10 bagi mengumpulkan dana membiayai pembangunan harta-harta wakaf dan pembelian aset wakaf baru yang strategik dan berdaya maju bagi kemudahan dan pembangunan sosio-ekonomi ummah seluruh Malaysia. Antara projek-projeknya adalah cadangan pembangunan Sekolah

¹²⁸ *Malaysia States Enactment (1999)*, Enakmen No.7 Wakaf (Negeri Selangor) Tahun 1999, h.292; Majlis Agama Islam Negeri Selangor, http://www.mais.net.my/images/stories/data/ewakaf.pdf_1 Oktober 2010

¹²⁹ Portal Lembaga Zakat Selangor, http://www.e-zakat.com.my/baru/k-zakat/wakaf_bentuk2.asp, 15 Julai 2010

¹³⁰ Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), http://www.jawhar.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=66&Itemid=60&lang=ms, 15 Julai 2010

Menengah Agama Wilayah Persekutuan (IMTIAZ), kompleks saudara baru di Mukim Batu, Kuala Lumpur¹³¹ dan pembangunan Wakaf Mart dan Bazar Rakyat Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di seluruh Malaysia¹³². Lokasi Pembangunan Wakaf Mart dan Bazar Rakyat MAIN sehingga 17 Ogos 2010, adalah seperti dalam Jadual 2.3¹³³.

Jadual 2.3
Lokasi-lokasi Bazar Wakaf Rakyat dan Wakaf Mart Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia

	Bil. unit	Tempat
Kedah	4	Masjid Sg. Udang, Kampung Keda, Kuala Sg. Udang, Yan
	5	Masjid Sultan Muzaffar Shah, Sg. Petani
	4	Masjid Al-U'la, Kariah Teloi Tua, Mukim Teloi, Sik
	4	Masjid Abdul Rahman Putra, Kg. Keladi, Kulim
	2	Masjid An Naim, Kariah Sg. Ilir, Bandar Baharu
	4	Masjid Al-Halimi, Bandar Baharu
	4	Masjid Tanah Merah, Pendang
	4	Masjid Seri Jerai, Gurun
Kelantan	5	2 tingkat di Tanah Kosong Kg. Geting, Tumpat
	5	Masjid Felda Kemahang 2, Gua Musang (FELDA)
	5	Masjid Felda Ciku 1, Gua Musang (FELDA)
	5	Masjid Felda Ciku 7, Gua Musang (FELDA)
Wilayah Persekutuan	4	Masjid Saidina Hamzah, Kg. Batu Muda
	4	Masjid Abd Rahman Bin Auf, Puchong
	4	Masjid An-Najihin, Bandar Tasek Permaisuri, Cheras
	4	Masjid Imam Al-Ghazali, Manjalara, Kepong
	4	Masjid Al-Muttaqin, Wangsa Melawati
		(KIOSK) di Masjid Negara
		(KIOSK) di Masjid Putra, Putrajaya
Negeri Sembilan	6	Masjid Kariah Rasah Jaya, Seremban
	6	Masjid Jamek Yamtuan Raden, Kuala Pilah
	5	Masjid Felda Jelai 4, Gemas (FELDA)
		Pembinaan Wakaf Mart di Masjid Kariah Panchor Jaya, Ampangan
		Pembinaan Wakaf Mart di Masjid Jamek Tunku Besar, Tampin
Pahang		Pembinaan Wakaf Mart di Masjid Jamek Pekan Gemas
	6	Masjid Lama Bandar Bentong
	6	Masjid Tengku Abu Bakar, Raub
	5	Masjid Tengku Mahkota Abdullah, Rompin
	5	Masjid Baru Daerah Pekan
	5	Masjid Sultan Ahmad 1, Masjid Negeri
	5	Masjid Felda Tembangau, Mempaga
	5	Masjid Chini Timur 2, Kuantan (FELDA)
5	Masjid Felda Jengka 19 (FELDA)	

¹³¹ Azri Ahmad (2008), *op.cit.*, h.87-98; Lihat juga Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), <http://www.ywm.gov.my/>, 15 Julai 2010

¹³² Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), <http://www.ywm.org.my/index.php/projek/>, 15 Julai 2010

¹³³ Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), <http://www.ywm.org.my/projek/projek-bajet-2010/>, 15 Julai 2010

Sambungan Jadual 2.3

Perak	4	Masjid Jamek Taman Kledang Jaya, Ipoh
	8	Masjid Daerah Taiping, Bandar Taiping
	5	Masjid Daerah Slim River
	5	Masjid Aziziah, Batu 10, Simpang 4, Hutan Melintang
	5	Masjid Sultan Idris Shah II, Ipoh
Perlis	5	Masjid Al-Barakah, Jelempek, Arau
	5	Masjid Sungai Adam, Jejawi
	2	Masjid Tun Abd Razak, Repoh
	5	Masjid Al-Arifin, Jalan Padang Katong, Kangar
	5	Masjid Putra, Simpang Empat
	5	Masjid Amir Fawwaz, Sungai Baru
Pulau Pinang	5	Masjid Jamek Bayan Baru, Bayan Lepas
	5	Masjid Shaikh Eusoff, Jalan Air Itam
	5	Masjid At-Taqwa, Bertam, Kepala Batas
	5	Masjid Daerah Jawi, Nibong Tebal
Terengganu	19	Tanah Wakaf Kg. Kelulut, Marang
	4	2 tingkat di Masjid Balik Bukit, Jerneh, Besut
Melaka	4	Tapak Surau Pulau Besar, Pernu, Melaka Tengah
	5	Masjid Felda Machap (FELDA)
	2	(KIOSK) di Lot 1491, Tapak Masjid Tg. Minyak, Melaka Tengah
Johor	5	Masjid Jamek Paya Reden, Kg. Paya Reden, Pagoh, Muar
	5	Masjid Hajjah Mominbi, Taman Ungku Tun Aminah, Johor Bahru
	5	Masjid Pekan Baru, Parit Yusof, Mukim Sg. Balang, Muar
	3	Masjid Jamek Sawah Dato, Mersing
	4	Masjid Seri Wangi, Mukim Linau, Parit Yaani, Batu Pahat
	5	Masjid Ar-Rahman, Taman Puteri Kulai, Kulaijaya
	5	Masjid Jannatul Firdaus, Kg. Jawa, Segamat
Sabah	2	Masjid Lama Daerah Putatan
	5	Masjid Imam Hj. Mohd Yaakob, Kg. Beringgis, Papar
	5	Masjid Jamek Ar-Rahman, Daerah Ranau
	5	Masjid Felda Cenderawasih, Lahad Datu (FELDA)
	5	Masjid Felda Umas, Tawau
Selangor	5	Masjid Jamek Daerah Hulu Langat, Kajang
	5	Masjid Al-Hasanah, Bandar Baru Bangi
	5	Masjid Al-Raudhah, Pekan Tanjung Karang
	5	Masjid Al-Azim, Pandan Indah, Ampang
	4	Masjid As-Solihin, Kg. Kanchong Darat, Banting

Sumber : Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), <http://ywm.org.my/projek/projek-bajet-2010/>, 24 Januari 2011

YWM turut menjalinkan kerjasama dengan badan-badan lain bagi meluaskan perkhidmatannya kepada orang ramai. Antaranya menjalankan kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Lembaga Tabung Haji, Pusat Urus Zakat (PUZ) setiap negeri, Bank Islam Malaysia Berhad, EONCAP Islamic Bank Berhad, Public Islamic

Bank Berhad, Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad, Maybank Islamic Berhad, RHB Islamic Bank Berhad dan AmIslamic Bank Berhad¹³⁴.

Secara keseluruhannya, hampir seluruh Majlis Agama Islam di negeri-negeri di Malaysia telah melaksanakan wakaf tunai ini. Walaupun pelaksanaan wakaf tunai di Majlis Agama Islam Negeri-negeri berbeza daripada nama mahupun kaedah pelaksanaan, namun apa yang penting matlamat yang hendak dicapai daripadanya adalah sama. Matlamat utama pelaksanaan wakaf tunai bertujuan untuk membangunkan hartanah wakaf sedia ada selain pembangunan sosioekonomi masyarakat Islam. Jadual 2.4 menunjukkan pelaksanaan wakaf tunai Majlis Agama Islam di negeri-negeri di Malaysia.

Jadual 2.4
Pelaksanaan Wakaf Tunai Majlis Agama Islam di negeri-negeri di Malaysia

Negeri	Nama	Bentuk wakaf tunai	Kadar minima
Malaysia	Skim Wakaf Tunai Malaysia	Wakaf secara tunai	RM10
Johor	Skim Saham Wakaf Johor	Penjualan sijil saham secara tunai	RM10
Negeri Sembilan	Skim Wakaf Tunai Negeri Sembilan	Penjualan saham secara tunai	RM10
Pulau Pinang	Skim Dana Wakaf Pulau Pinang	Wakaf secara tunai	Tiada had
Selangor	Skim Wakaf Negeri Selangor	Penjualan lot-lot am secara tunai	RM10
Terengganu	Skim Wakaf Terengganu	Penjualan sijil saham secara tunai	RM10
		Wakaf secara tunai	Tiada had

Sumber: Diubahsuai daripada Ahmad Syah Firafizal (2002), "Cadangan Skim Dana Wakaf Pulau Pinang Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang", (Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Saham Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang), bil 1/2002, 2 Januari 2002; Azri Ahmad (2008), "Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai oleh Yayasan Waqaf Malaysia", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Putrajaya: Yayasan Waqaf Malaysia, Vol.2, No.2(4), h.87-98; *Lihat juga* Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), <http://www.ywm.gov.my/>, 15 Julai 2010; Majlis Agama Islam Negeri Selangor, <http://www.mais.net.my/images/stories/data/ewakaf.pdf.1> Oktober 2010; Portal Lembaga Zakat Selangor, http://www.e-zakat.com.my/baru/k-zakat/wakaf_bentuk2.asp, 15 Julai 2010; *Lihat* Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pelaksanaan-wakaf-skim-tunai-terengganu>, 15 Julai 2010; Nooh Gadot (2006), "Amalan Saham Wakaf di Johor", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)

¹³⁴ Azri Ahmad (2008), "Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai oleh Yayasan Waqaf Malaysia", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Putrajaya: Yayasan Waqaf Malaysia, Vol.2, No.2(4), h.87-98; *Lihat juga* Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), <http://www.ywm.gov.my/>, 15 Julai 2010

Peranan dan usaha yang dimainkan oleh agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan baik peringkat persekutuan mahupun peringkat negeri di Malaysia bagi menyebarkan kebaikan amalan wakaf kepada masyarakat dapat menghidupkan semula amalan ini. Institusi wakaf ini dapat digunakan dan dimanfaatkan dalam usaha membangunkan sosio-ekonomi masyarakat Islam di Malaysia.

2.8 Kesimpulan

Keistimewaan amalan mewakafkan harta di jalan Allah memang tidak dapat dinafikan lagi, malah kesannya yang besar dalam kehidupan umat Islam sewajarnya diberi perhatian dan diamalkan secara menyeluruh agar matlamat wakaf itu dapat dicapai dalam diri, keluarga, masyarakat dan negara Islam. Akhirnya, jika diperhatikan dengan teliti, hidupnya amalan wakaf secara tunai akan dapat memperkasakan institusi wakaf dengan mengoptimumkan penggunaannya dan membantu membangunkan sosioekonomi masyarakat Islam di samping jaminan sosial yang dapat dicapai dalam memenuhi keperluan asas kebendaan dan kerohanian masyarakat Islam dari generasi ke generasi serta mengurangkan ketidakseimbangan agihan dalam masyarakat secara umumnya¹³⁵.

¹³⁵ *Ibid.*; Mahmood Zuhi Abd. Majid (1999), "Kefahaman Konsep dan Amalan Wakaf" dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bil. 2, h.17-28; Mohammad Tahir Sabit and Abdul Hamid Mar Iman (2006), "Obstacles of the Current Concept of Waqf to the Development of Waqf Properties and the Recommended Alternative". *Malaysian Journal of Real Estate*, 1 (1), h.1-95; Timur Kuran (2001), *op.cit.*, h.841-897; Cengiz Toraman & Berdiye Tuncsiper (2007), "Cash Awqaf in the Ottoman as Philanthropic Foundations and their Accounting Practices", h.1-19 (Kertas kerja yang dibentangkan dalam The Fifth Accounting History International Conference, Banff, Alberta, Canada, 9-11 Ogos 2007), lihat http://www.mufad.org/index.php?option=com_docman&task=doc_download&gid=49&Itemid=100AAA, 15 Julai 2010; Jon E. Mandaville (1979), *op.cit.*, h.289-308; Murat Çizaçka (2004), *op.cit.*, h.1-20; Murat Çizaçka (1998), *op.cit.*, h.43-70; Siti Mashitoh Mahamood (2007), *op.cit.*, h.61-83; Shofian Ahmad (2008), "Wakaf Tunai: Peranan dan Keistimewaannya dalam Sistem Ekonomi Islam", Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat & Wakaf" pada 18&19 Oktober 2008, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bil. 17, h.317-324